



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Lawatan Rasmi T.Y.T. Akef Al Fayez, Speaker Parlimen Jordan  
[Ruangan 4321]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4321]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:**

Hukuman Mati ke atas Sim Kee Choong—Tuan Lim Kit Siang (Ruangan 4367)

**RANGUNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) [Ruangan 4371]

**USUL-USUL:**

Jawatankuasa Pilihan Parlimen—Dasar Ekonomi Baru—Tuan Lim Kit Siang  
[Ruangan 4373]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 4415]

## MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM***Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KETIGA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu)
- " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Musa Hitam, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr Neo Yee Pan, S.P.M.J., B.S.I. (Muar)
- " Menteri Kerjaraya, Dato' S. Samy Vellu, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- " Menteri Luar Negeri, Y.B.M, Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu)
- " Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan)
- " Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chong Hon Nyan, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam)
- " Menteri Perusahaan Utama, Dato' Paul Leong Khee Seong, D.P.C.M. (Taiping)
- " Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- " Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- " Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong)
- " Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Seri Sanusi bin Junid. D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)
- " Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Rais Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- " Menteri Buruh, Dato' Mak Hon Kam, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim)
- " Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze, D.A., P.N.B.S. (Padawan)
- " Menteri Kesihatan, Dato Chin Hon Ngian, D.S.I.J. S.M.J. (Rengam)
- " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato Shahrir bin Abdul Samad, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru)
- " Menteri Pertanian, Tuan Anwar bin Haji Ibrahim (Permatang Pauh)
- " Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. James P. Ongkili, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran)
- " Menteri Kebajikan Masyarakat, Dato' Abu Hassan bin Haji Omar, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Mohamed Khalil bin Yaakob, D.S.A.P., J.S.M. (Maran)
- " Menteri Kewangan, Tuan Daim Zainuddin (Kuala Muda)
- " Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Chan Siang Sun, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' K. Pathmanaban, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang)
- " Timbalan Menteri Buruh, Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman, D.P.M.T., K..M.N., P.J.K. (Besut)
- " Timbalan Menteri Buruh, Datuk William Lye Chee Hien, P.G.D.K.. (Gaya)
- " Timbalan Menteri Pelajaran, Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Tuan Luhah Wan (Baram)
- " Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed (Machang)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Chow Poh Kheng @ Rosemary Chong, D.P.M.S. (Ulu Langat)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato S. Subramaniam, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- ” Timbalan Menteri Kewangan, Dato Dr. Tan Tiong Hong, D.S.A.P. (Raub)
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, Puan Hajjah Rahmah binti Othman, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Kewangan, Dato Sabbaruddin Chik, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru)
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Oo Gin Sun, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar)
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau, B.S.K. (Keningau)
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, Dato Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Tuan Megat Junid bin Megat Ayob, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak)
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar, S.M.P., A.M.N. (Kuantan)
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Dr. Ling Liong Sik, D.P.M.P. (Mata Kuching)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Lee Kim Sai, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor)
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat)
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tuan Law Hieng Ding, P.B.S. (Sarikei)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, Tuan Jawan anak Empaling, K.M.N. (Rajang)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Tuan Hussein bin Mahmud (Tanah Merah)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Tuan Au How Cheong, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, A.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Awang bin Jabar, A.M.N., P.J.K. (Dungun)
- " Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mustaffa bin Mohammad, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Yeoh Poh San (Petaling)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat)
- " Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin)
- " Tuan Abdul Ghani bin Misbah, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kina- batangan)
- " Dato Abdul Manan bin Othman, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu)
- " Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar)
- " Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan)
- " Datuk Haji Abu Bakar bin Umar, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar)
- " Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens (Marudu)
- " Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis, P.P.T. (Parit)
- " Tan Sri Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat)
- " Datuk Alfred Jabu Anak Numpang, P.N.B.S., K.M.N. (Betong)
- " Tuan Alias bin Md. Ali, P.J.K. (Ulu Trengganu)
- " Tuan Andrew Janggi Muyang (Lubok Antu)
- " Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim, A.M.P. (Ba- tang Padang)
- " Tuan Bahari bin Haron (Labis)
- " Tuan Baharom bin Haji Bakar (Padang Terap)
- " Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah)
- " Dr. George Chan Hong Nam (Lambir)
- " Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi)
- " Dr. Chen Man Hin (Seremban)
- " Dato Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S. (Beruas)
- " Tuan Peter Chin Gan Oon, P.M.P. (Ipoh)

Yang Berhormat Datuk Clarence E. Mansul, P.G.D.K. (Penampang)

- " Datuk Edmund Langgu Anak Saga, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)
- " Datuk Edwin Anak Tangkun, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Fung Ket Wing (Sandakan)
- " Tuan Newman Gaban (Bandau)
- " Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera)
- " Tuan V. Govindaraj, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang)
- " Datuk Harris bin Mohd. Salleh, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas)
- " Tuan Hassan bin Haji Mohamed, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang)
- " Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong, J.P. (Labuk Sugut)
- " Dato Dr. Hee Tien Lai, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam)
- " Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus)
- " Tuan Ismail bin Arshad, A.M.K. (Jerai)
- " Tuan Ismail @ Mansor bin Said, A.M.N. (Kemaman)
- " Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam)
- " Tuan Justine Anak Jinggut (Ulu Rajang)
- " Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd: Isa, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut)
- " Tuan Kan Yau Fa, A.S.D.K. (Tawau)
- " Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- " Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh)
- " Tuan Mark Koding (Kinabalu)
- " Dr. Koh Tsu Koon (Tanjong)
- " Dato Lee Boon Peng, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin)
- " Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar)
- " Dr. Leo Michael Toyad (Mukah)
- " Datuk Leonard Linggi Anak Jugah, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit)
- " Dato Lew Sip Hon, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam)
- " Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka)
- " Tuan Lim Liang Seng, P.P.T. (Kinta)
- " Tuan Ling Sie Ming (Sibu)
- " Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus)

- Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri)
- ” Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud, A.M.N. (Pekan)
- ” Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau)
- ” Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid, P.P.N., P.P.T. (Matang)
- ” Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang)
- ” Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- ” Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri (Setapak)
- ” Dato Mohammad Yahya bin Lampong, A.S.D.K. (Kota Betud)
- ” Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob (Hilir Padas)
- ” Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah, S.M.K. (Bachok)
- ” Tuan Mokhtaram bin Rabidin, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian)
- ” Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis)
- ” Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas)
- ” Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut)
- ” Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang)
- ” Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa)
- ” Dato' Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai)
- ” Tuan Omar bin Abdullah (Tampin)
- ” Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda)
- ” Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis)
- ” Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading)
- ” Tuan Quah Wee Liam, P.I.S., B.S.I. (Kluang)
- ” Tuan Richard Dampeng Anak Laki (Serian)
- ” Dato'Haji Saidin bin Haji Mat Piah, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas)
- ” Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Haji Seroji bin Haji Haron, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling)
- ” Tuan Shamsuri bin Md. Saleh, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau)

- Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching)
- ” Tuan Tan Koon Swan, A.M.P., J.P. (Damansara)
  - ” Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai)
  - ” Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
  - ” Tuan Thomas Salang Siden (Julau)
  - ” Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu)
  - ” Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut)
  - ” Wan Ibrahim bin Wan Abduilah (Pasir Mas)
  - ” Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh)
  - ” Wan Zainab binti M.A. Bakar, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani)
  - ” Tuan Yahya bin Haji Zakaria, P.P.T. (Bagan Datok)
  - ” Tuan Yew Foo Weng (Menglembu)
  - ” Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAIKANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P.B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

#### *Pemberita-pemberita*

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 26hb Julai, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA  
LAWATAN RASMI T. Y. TAKEF AL FAYEZ  
SPEAKER PARLIMEN JORDAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya maklumkan iaitu bersama kita dalam Dewan pada ketika ini adalah Tuan Yang Terutama Akef Al Fayez, Speaker Parlimen Kingdom of Jordan dan 12 orang lagi Ahli Dewan Parlimen negara yang tersebut. Saya mengucapkan selamat datang kepada Tuan Yang Terutama dan delegasi yang tersebut (*Tepuk.*)

Saya percaya dengan adanya lawatan Tuan Yang Terutama dan delegasi Parlimen Jordan yang singkat itu akan menjalinkan perhubungan yang lebih erat dan rapat di antara kedua negara dan khususnya di antara kedua-dua Parlimen.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Michael Chen Wing Sum.

(*Soalan No.1 Y.B. Dato' Michael Chen Wing Sum tidak hadir*)

**IBUKOTA — LALULINTAS SIBUK**

**2. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

(a) oleh kerana semakin sehari semakin bertambah sesak dan bertambah sibuk

lalulintas dengan kenderaan-kenderaan yang bertambah banyak di Ibukota, maka apakah rancangan atau program baru di kala ini untuk mengatasi masalah kesibukan sekarang dan masa-masa depan untuk jangka panjang; dan

(b) adakah pihak yang berkenaan ada mempunyai rancangan untuk membanhkan jalan-jalan kecil di seluruh pelusuk Bandaraya; adakah benar jika dikatakan kesesakan-kesesakan yang berlaku telah disebabkan salah satu dari kekurangan jalan-jalan yang sepatutnya berpadanan dengan banyaknya kenderaan; apakah pandangan Kerajaan dalam perkara ini.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang telah mengakibatkan masalah kesesakan lalu lintas adalah pertambahan bilangan kenderaan yang begitu pesat. Menurut angka-angka yang diperolehi jumlah bilangan kenderaan termasuk motosikal yang telah didaftarkan di Wilayah Persekutuan dan Selangor telah bertambah dari 372,000 pada tahun 1975 kepada 1,800,864 pada akhir tahun 1984. Pertambahan ini merupakan pertambahan sebanyak 171% dalam tempoh 9 tahun. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja bilangan kenderaan telah bertambah dari 236,159 unit pada tahun 1983 kepada 285,680 unit pada tahun 1984. Ini adalah pertambahan sebanyak 21% dalam tempoh satu tahun. Bilangan motor persendirian sahaja telah bertambah dari 103,366 unit kepada 128,777 unit. Ini adalah pertambahan sebanyak 24.5% dalam tempoh yang sama.

Saya perlu menyatakan bahawa usaha berte-rusan untuk membina jalan-jalan dan jejambat tidak akan mengatasi masalah pengangkutan di bandaraya ini. Sebaliknya, pembinaan jalan-jalan hanya akan menarik dan menggalakkan pemilikan kereta persendirian. Oleh yang demikian, satu imbalan mesti diadakan di antara beberapa cara iaitu pembaikan sistem pengangkutan awam, pembinaan sistem jalan yang baik serta dasar sekatan penggunaan kereta persendirian.

Dalam usaha pembaikan sistem pengangkutan awam Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang moden seperti transit laju ringan dan aerobus. Kajian sistem pengangkutan pelan induk telah mengenalpasti bahawa anjakan mode sebanyak 40% daripada pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam adalah tahap yang paling minima untuk mewujudkan keadaan lalu lintas yang selesa pada tahun 2,000. Sistem transit laju ringan dan aerobus bukan sahaja akan mencapai sasaran ini tetapi ia juga membawa pembaikan kepada keadaan alam sekitar di samping mengelakkan penggantungan besar k'e atas bahan petroleum. Tambahan pula STLR akan juga menjimatkan pelaburan dalam pembelian bas serta pembinaan jalan-jalan baharu.

Soal yang kedua, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membanyakkan jalan-jalan kecil di seluruh pelusuk bandaraya kerana usaha ini tidak akan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Sepertimana telah saya jelaskan pada awal, tadi pertumbuhan kereta dan kenderaan di Wilayah Persekutuan adalah jauh melebihi kemampuan Kerajaan untuk menambahkan jalan-jalan. Dalam keadaan di mana pertambahan serta pembesaran jalan adalah semestinya terhad oleh kedudukan tanah yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut. Kerajaan perlu meningkatkan mutu pengangkutan awam supaya ianya boleh menjadi pilihan yang menarik bagi mereka yang masuk ke pusat bandaraya untuk tujuan bekerja, membeli belah atau tujuan-tujuan yang lain. Buat masa ini pilihan ini terhad kepada bas dan teksi yang

menggunakan jalan dan laluan yang sama seperti kenderaan persendirian. Keadaan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas dan oleh itu pengangkutan awam tidak mempunyai sebarang keistimewaan untuk menarik penggunaanya dengan lebih meluas kecuali Kerajaan melaksanakan sistem STLR dan jua aerobus.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa salah satu jalan yang berkesan untuk membaiki sistem lalu lintas ialah menggunakan sistem pengangkutan awam. Dan apa yang dicadangkan oleh Kerajaan ialah sistem SLRT termasuk aerobus. Memandangkan bahawa kita hendak mengambil masa untuk melaksanakan projek SLRT ini, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah tindakan atau langkah-langkah yang telah diambil sehingga hari ini untuk berbincang dengan syarikat-syarikat bas bagi tujuan untuk memperbaiki sistem bas yang ada sekarang, memandangkan bahawa sistem bas masih tidak memuaskan. Sungguhpun di suatu ketika Dewan Bandaraya telah melaksanakan lorong laluan untuk bas, akan tetapi sungguhpun ini telah dibuat akan tetapi ini nampaknya tidak memperbaiki keadaan, maka saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah tindakan selanjutnya.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah sebutkan dalam ucapan awal saya tadi memanglah sebenarnya bahawa sistem pengangkutan awam yang ada sekarang ini iaitu Sistem Bas dan juga Teksi tidaklah merupakan satu sistem pengangkutan awam yang boleh memuaskan kerana ia menggunakan jalan yang sama dengan kenderaan-kenderaan persendirian. Oleh hal yang demikian, sistem pengangkutan awam yang ada sekarang (penggunaan bas dan teksi) memanglah tidak dapat mengatasi masalah pengangkutan awam dan tidak boleh mengatasi kesesakan lalulintas dan walaupun demikian memanglah Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil langkah-langkah dari masa ke semasa yang merupakan langkah-langkah jangka pendek bagi membincangkan dengan pihak-pihak yang tertibat dalam pengangkutan awam melalui sebuah Jawatankuasa Penyelidikan Pengangkutan yang ditubuhkan di bawah Kementerian saya bersama dengan Dewan

Bandaraya bagi mewujudkan strategi-strategi jangka masa pendek bagi mengatasi masalah-masalah pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Sukalah saya menegaskan bahawa apa sahaja pun yang dilakukan oleh Kerajaan ataupun oleh pihak-pihak yang menjalankan pengangkutan awam di Bandaraya ini tidak dapat mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas kerana pada masa ini sistem pengangkutan awam itu menggunakan laluan yang sama dengan kenderaan persendirian.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi nyatalah bahawa tanggungjawab dan pengurusan yang begitu besar untuk menyelesaikan masalah lalu-lintas awam dan peganannya di Bandaraya dan Wilayah Persekutuan.

Pertama, saya ingin menyoal apakah cara pegawai-pegawai yang mentadbirkan pengurusan lalu-lintas ini, berapa ramaiakah pegawai yang ditugaskan dan adakah satu Jawatankuasa Petugas Khas yang dibentuk oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini.

Kedua, adakah Menteri sedar dan mengesahkan bahawa pejabat Menteri Wilayah Persekutuan dengan pejabat Datuk Bandar berlainan bangunannya, tidakkah boleh disatukan? Saya mencadangkan Menteri Wilayah Persekutuan pindah ke Dewan Bandaraya supaya pengurusan lebih cekap dan pantas. Bilakah perkara ini, kalau boleh, dilaksanakan?

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, soal pengurusan lalu-lintas dan trafik di Bandaraya kita diuruskan oleh Dewan Bandaraya melalui Bahagian Lalu-lintas dan Trafiknya dan mempunyai bilangan pegawai-pegawai yang tertentu bagi mengendalikan masalah-masalah ini. Di samping itu juga Jawatankuasa Lalu-lintas dan Trafik yang ada di Dewan Bandaraya dianggotai oleh wakil-wakil berbagai jabatan yang turut terlibat di dalam soal urusan lalu-lintas dan trafik seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya.

Mengenai soal hubungan di antara pejabat Menteri dan pejabat Datuk Bandar, saya rasa walaupun kami duduk di bangunan yang berasingan tidak ada masalah kesesakan lalu-lintas yang boleh mengganggu perjalanan Daluk Bandar ke pejabat saya untuk menghadiri mesyuarat ataupun perbincangan bagi menyelesaikan masalah di Bandaraya ini.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu sama ada Kerajaan bercadang mengenakan sekatan ke atas motokar-motokar yang masuk dalam ibu kota dan sama ada Bandaraya mempunyai juga rancangan untuk melebihi banyakkannya lagi jalan-jalan yang sedia ada kepada jalan-jalan sehala?

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya memang kita tidak dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu-lintas Dewan Bandaraya kita selagi kereta datang masuk ke Bandaraya bertumpu-tumpu dan bertambah dari masa ke semasa. Umpamanya kalau dahulu saya daripada rumah saya hendak datang ke pejabat boleh bertolak pada jam 7.45 pagi, hari ini saya terpaksa bertolak 7.30 pagi kerana traffic jam itu telah bertambah panjang dari bulan ke bulan.

Walau bagaimanapun, sekatan yang hendak dilakukan oleh Kerajaan atau Kementerian Wilayah Persekutuan dan Bandaraya kepada kemasukan kereta-kereta dan kenderaan persendirian ke Bandaraya kita ini bukanlah berbentuk seperti sekatan melalui perundangan dan sebagainya tetapi dilakukan melalui perancangan iaitu di mana pertamanya kita menggunakan tempat letak kereta sebagai satu cara mengurangkan kemasukan kereta-kereta dan kenderaan ke pusat bandar umpamanya dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan hari ini dengan membina laluan berjalan kaki dan dengan menghadkan dan menaikkan caj letak kereta dan juga mengenakan syarat-syarat mengawal tempat letak kereta, secara langsung ia akan menentukan-bahawa jumlah kereta-kereta yang boleh diletak di satu-satu tempat itu akan bertambah berkurangan dan terhad dan dengan cara itu tidaklah menggalakkan kepada mereka yang bekerja di Kuala Lumpur ini untuk membawa kereta mereka sendiri masuk ke bandaraya. Walau bagaimanapun, selagi

kita tidak mempunyai pilihan yang lain untuk membolehkan mereka masuk ke bandaraya, selagi kita tidak mempunyai satu alternatif kepada mereka yang bekerja di Kuala Lumpur ini untuk bertukar apa yang disebutkan sebagai mode of transport, bertukar daripada kereta persendirian kepada sistem pengangkutan awam maka selagi itu kita tidaklah boleh melakukan sekatan-sekatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi. Oleh sebab itu, selagi projek STLR dan Aerobus belum lagi dilaksanakan maka sekatan-sekatari yang disebutkan itu hanyalah dilakukan secara perancangan sahaja iaitu seperti dengan cara menyediakan bilangan tempat-tempat letak kereta yang tertentu ataupun dengan menggalakkan pembangunan-pembangunan di kawasan-kawasan selain daripada pusat Bandaraya sendiri dan dengan cara ini dapatlah menyelerakkan tumpuan-tumpuan orang ramai ke kawasan-kawasan yang lain di Kuala Lumpur ini dan bukan hanya tertumpu ke kawasan pusat Bandaraya sahaja.

Jadi, saya inginlah mengulangi bahawa selagi tidak ada alternatif yang menarik dalam sistem pengangkutan awam negara kita ini maka setagi itulah pilihan utama kepada rakyat ialah dengan menggunakan kenderaan persendirian mereka sendiri, dan selagi itu berlaku selama itulah juga kesesakan lalulintas akan menjadi satu perkara biasa dalam penghidupan kita.

### **PADI JENIS IR 42 — PEMBELIAN**

**3. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapakah kerugian sebenar yang dihadapi oleh Kerajaan kerana pembelian padi IR 42; berapakah jumlah sebenar simpanan (stok) di semua kompleks-kompleks LPN di negara ini dan apa yang akan dibuat ke atas padi-padi yang tidak dapat di kilang untuk dijadikan beras; dan adakah benar dakwaan bahawa dalam keadaan stok beras dalam negeri yang masih banyak, Kerajaan masih mengimport beras dari negara luar; jika benar mengapa.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, kerugian yang ditanggung oleh LPN

daripada belian padi IR 42 adalah disebabkan oleh kemerosotan hasil jualan akibat daripada penghasilan beras hancur yang banyak berbanding dengan padi jenis lain.

Perbezaan hasil pendapatan padi jenis IR 42 yang dikisar berbanding dengan padi jenis lain ialah sebanyak \$5.92 setiap 100 kilogram ataupun \$59.20 bagi setiap tan metrik. Perbezaan ini adalah merupakan kerugian yang perlu ditanggung oleh LPN yang membeli padi jenis IR 42 tanpa mengenakan potongan ke atas kadar penghasilan kepala beras.

Akibat dari LPN tidak mengenakan potongan berasaskan kepada kadar penghasilan kepala beras seperti yang dilakukan oleh kilang-kilang swasta, menyebabkan pembelian padi oleh LPN di musim penuaian utama 1985 telah bertambah sebanyak 149.06%.

Bagi tempoh tersebut LPN telah mengalami kerugian pendapatan sebanyak \$6.81 juta berdasarkan jumlah pembelian 115,000 tan metrik padi jenis IR 42.

Semua padi yang dibeli oleh LPN akan dikisar. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, LPN telah mengambil langkah-langkah tambahan seperti melaksanakan skim upah kasar dengan tujuan meningkatkan keupayaan mengisar yang sedia ada pada LPN.

Di samping itu, semua beras hasil dari kisaran padi tempatan ini pula adalah dijual sepeenuhnya kepada pengguna-pengguna. Walau bagaimanapun, Kerajaan negara ini akan terus menentukan stokpail keselamatan masih lagi kekal di tahap yang dikehendaki dan menentukan pengeluaran tempatan; dengan itu pengimportan beras masih lagi diperlukan kerana pengeluaran tempatan masih lagi belum mencukupi.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa salah satu daripada sebab yang menimbulkan kerugian kepada beras jenis IR 42 ini kerana kemerosotan penghasilan beras hancur daripada jenis-jenis yang lain.

Saya ingin bertanya mengapakah terjadi demikian, apakah kerana padi itu tidak sesuai dengan keadaan cuaca di negara kita ataupun kerana kita menggunakan jenis jentera-jentera yang tidak sesuai dengan jenis padi yang ada itu, dan bagaimanakah langkah-langkah yang positif dan untuk mengatasi masalah itu supaya petani-petani tidak terus menanggung kerugian?

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, padi IR 42 ini mungkin mempunyai sifat semula jadi iaitu keretakan pada biji beras dan apabila dikisar akan menghasilkan beras hancur yang banyak berbanding dengan padi jenis lain. Oleh sebab yang demikian apabila dikisar ia menjadi beras hancur. Maka hasil daripada jualan beras itu tentulah berkurangan kerana mutu beras itu rendah.

Mengenai apa yang boleh kita lakukan ialah kita menasihatkan supaya petani-petani jangan lagi menanam padi jenis IR 42 dan kita berharap supaya kita dapat mengambil langkah-langkah lain seperti menentukan supaya bencana alam ataupun kerosakan-kerosakan kepada padi-padi yang popular ditanam sekarang ini dapat dicegah.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa langkah-langkah untuk tidak menggalakkan petani-petani supaya tidak menanam IR 42. Jadi kerugian ini adalah disebabkan oleh pihak LPN membeli tanpa potongan kadar 'kepala beras'. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan penanaman padi IR 42 ini keuntungan yang lebih telah dapat diperolehi oleh petani-petani melalui penjualan padi? Jika Yang Berhormat sedar, jika dibandingkan dengan kerugian LPN, berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi oleh petani-petani kesan daripada penanaman padi jenis IR 42?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah stok padi yang belum dikisar yang masih ada disimpan oleh pihak LPN?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa salahnya kalau makan beras hancur (*Ketawa*).

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar pihak petani mendapat keuntungan daripada hasil IR 42 tetapi bagi pihak LPN atau bagi pihak Kerajaan mendapat kerugian. Walau bagaimanapun, ada kalanya hasil-hasil tanaman daripada IR 42 tidak mendapat hasil yang lebih baik kepada petani-petani disebabkan oleh kerana adanya padi-padi yang kosong ataupun yang hampa.

Bagi menjawab soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, LPN akan dapat mengisar padi-padi yang ada di dalam kilang-kilang kita. Untuk menentukan jumlah sebenarnya, saya tidak dapat memberikan sekarang ini tetapi kalau Yang Berhormat hendakkan jawapannya, bolehlah saya beri dengan jawapan bertulis.

#### PEMERIKSAAN KESELAMATAN DI LAPANGAN TERBANG

**4. Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada langkah-langkah keselamatan di semua lapangan terbang di negara ini adalah mencukupi untuk memeriksa setiap bungkusan parcel, suit case, atau peti yang dibawa masuk ke dalam kapal terbang penumpang atau cargo untuk memastikan tidak ada bahan-bahan letupan kerana keselamatan penumpang-penumpang adalah amat penting.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah serta pemeriksaan keselamatan yang diadakan di semua lapangan terbang di negara ini adalah dilaksanakan sejajar dengan dan mengikut perakuan-perakuan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organisation).

Langkah-langkah keselamatan yang diadakan itu termasuklah melengkapkan lapangan terbang dengan alat-alat pengesanan dan pemeriksaan keselamatan yang moden dan juga tindakan bagi melatih kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas keselamatan dengan berkesan.

Kementerian saya dan Jabatan Penerbangan Awam akan terus mengawasi keadaan di lapangan terbang untuk menentukan segala langkah keselamatan tersebut sentiasa mengikut keperluan-keperluan ICAO dan amalan antarabangsa.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua beg-beg, bungkusan parcel dan peti-peti yang hendak dibawa dalam penerbangan termasuk 'hand luggage', dengan izin, adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan keselamatan sebelum ianya dibenar dimuatkan atau dibawa bersama ke dalam kapalterbang. Penumpang-penumpang, anak-anak kapal dan juga pekerja-pekerja yang bertugas di kawasan udara, atau dengan izin, 'air site' lapangan terbang juga diperiksa sebelum dibenarkan masuk ke kawasan larangan atau dalam kapalterbang. Bagi barang-barang kargo yang hendak dibawa melalui pengangkutan udara, ICAO telah juga menetapkan langkah-langkah serta prosedur-prosedur tertentu yang harus diikuti bagi menjaga keselamatan penerbangan.

Kementerian saya, Jabatan Penerbangan Awam dan juga syarikat-syarikat penerbangan sentiasa memberi perhatian berat bagi menentukan segala peraturan keselamatan tersebut diikuti dalam pengendalian kargo udara.

#### SUHU PANAS DI KUALA LUMPUR

**5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat manakah kajian telah dibuat oleh Kementerian mengenai keadaan suhu panas alam sekitar di Wilayah Persekutuan yang sangat tinggi terutamanya pada musim panas. Apakah syor-syor yang Kementerian telah merumuskan untuk mengurangkan suhu panas ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan keadaan suhu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan semenjak awal tahun ini. Kajian ini perlu dijalankan untuk beberapa tahun sebelum mendapat kesimpulan yang-bererti atau menunjukkan keadaan yang sebenarnya.

Memanglah betul bahawa di mana terdapatnya kekurangan pokok-pokok atau tumbuh-tumbuhan di sesuatu kawasan, suhu di kawasan itu tentu akan meningkat. Untuk mengurangkan suhu panas di kawasan-kawasan bandar, suatu program menanam pokok di jalan raya perlu diadakan serta juga 'landscaping', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengenalpasti keadaan panas yang berpunca dari cahaya matahari, dari bangunan-bangunan tinggi dan yang berpunca juga dari kenderaan bermotor, sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji jenis bahan-bahan binaan yang sesuai untuk bangunan-bangunan tinggi. Selain daripada itu kawasan-kawasan lapang di bandar-bandar hendaklah disediakan sebagai kawasan hijau atau 'green area'.

#### MINI MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**6. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa MARA bercadang akan membina 45 buah Mini Maktab Rendah Sains MARA dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti. Di samping itu, adakah beliau juga sedar bahawa Negeri Perak adalah negeri yang paling ramai penduduk-penduduk dan paling ramai penuntut-penuntut di negara ini. Jika sedar, adakah beliau bercadang supaya Mini Maktab Rendah Sains MARA ini dibina di pekan-pekan kecil di Negeri Perak seperti di Selama, Grik, Kampung Gajah, Parit Buntar, Lumut dan Padang Rengas. Dan adakah taraf akademik dan kemudahan-kemudahan lain di Mini Maktab Rendah Sains MARA ini sama seperti di Maktab-maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang sedia ada.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan MARA untuk membina 45 buah Mini Maktab Rendah Sains MARA di dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah di dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Projek ini akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukannya diluluskan

oleh pihak Kerajaan. Taraf akademik dan kemudahan-kemudahan yang akan disediakan di Mini MRSM ini adalah sama dan setaraf dengan MRSM-MRSM yang sedia ada.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, adakah MARA akan bercadang agar kesemua 45 buah Mini Maktab Rendah Sains MARA ini diberi peluang kepada syarikat-syarikat swasta untuk mendirikannya iaitu secara 'turnkey' projek? Ini bertujuan untuk menolong meringankan beban MARA dari segi perbelanjaan mendirikan projek-projek Mini MRSM ini.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, MARA memang merancang untuk membina MRSM-MRSM di negara ini dengan kos yang rendah dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, MARA berusaha untuk membina ini dengan menggunakan material-material yang ada.

### KELAS PRA SEKOLAH

7. **Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian berpuashati dengan perjalanan Kelas Pra Sekolah yang sedang berjalan sekarang dan adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengambil alih pentadbiran supaya lebih kemajuan dan selaras.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah membuat satu kajian mengenai sistem pendidikan pra sekolah di negara ini dan mendapati beberapa kelemahan dalam sistem itu terutama dari segi kurikulum dan guru. Oleh itu Kementerian Pelajaran telah menyediakan satu kurikulum pra sekolah ini boleh digunakan oleh pusat-pusat pendidikan pra sekolah di negara ini.

Di samping itu Kementerian Pelajaran juga bercadang untuk menggubal satu kurikulum pendidikan guru-guru pra sekolah. Kementerian Pelajaran juga sedang mengkaji cadangan untuk menubuhkan sebuah Majlis Pendidikan Pra Sekolah yang akan berfungsi sebagai badan penyelaras pendidikan pra

sekolah di negara ini. Kementerian Pelajaran tidak bercadang mengambil alih pentadbiran pendidikan pra sekolah.

### PENYIKSAAN KANAK-KANAK

8. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapa banyak kes penyiksaan kanak-kanak yang telah dilaporkan ke Kementerian sejak 4 tahun lalu dan sehingga 30hb Jun, 1985. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap kes-kes yang dilaporkan dan apakah langkah yang Kementerian bercadang hendak ambil untuk mengurangi masalah sosial ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, kes penyiksaan atau penganiayaan kanak-kanak yang telah dilaporkan ke Kementerian saya semenjak 4 tahun lalu dan sehingga 30hb Julai, 1985 adalah 476. Kesemua aduan-aduan tersebut telah disiasat oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat dan keputusan tindakan yang telah diambil terhadap kesemua kes tersebut adalah seperti berikut:

70 orang kanak-kanak dimasukkan ke Rumah Kanak-kanak dan lain-lain tempat keselamatan; 47 ditempatkan kepada keluarga yang sesuai; 342 orang diletakkan di bawah penyeliaan dan 11 kes didapati palsu.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 43 ibu-bapa atau penjaga yang melakukan kesalahan berkenaan dan keputusan mahkamah adalah seperti berikut:

9 dibebaskan; 11 dikenakan ikat jamin; 25 diberi amaran; 6 didenda; dan 2 dipenjara.

Untuk mengurangkan masalah penganiayaan kanak-kanak di kalangan masyarakat di negara ini Kementerian saya akan terus bergiat untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada untuk mendakwa mereka yang tidak bertanggungjawab dan disamping itu akan berusaha untuk melaksanakan kerja-kerja pencegahan bagi mengurangkan masalah penganiayaan

kanak-kanak. Di antara usaha yang sedang dijalankan ialah memberi maklumat kepada orang ramai melalui media massa dari masa ke semasa terhadap gejala penganiayaan kanak-kanak dan juga meminta kerjasama seluruh masyarakat untuk tampil ke hadapan melaporkan sebarang kejadian penyiksaan kanak-kanak kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan seberapa segera.

Selain daripada itu, Kementerian saya kini sedang menyediakan satu risalah mengenai penganiayaan kanak-kanak dan risalah ini akan dapat diedar kepada orang ramai pada penghujung tahun ini. Kementerian saya juga baru-baru ini telah berusaha menubuhkan satu Jawatankuasa Intervensi terhadap penganiayaan kanak-kanak di peringkat kebangsaan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji dan merancang program intervensi bagi mengatasi penganiayaan kanak-kanak dengan lebih berkesan. Setakat ini Jawatankuasa ini sedang giat mengumpulkan data dan maklumat mengenai penganiayaan kanak-kanak di negara ini sebelum membuat satu program yang konkrit baginya.

Selain daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat, Jawatankuasa ini mengandungi ahli-ahli yang terdiri daripada Kementerian Pelajaran, Kesihatan, Buruh, Penerangan, Jabatan Peguam Negara, Polis dan Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia. Adalah menjadi hasrat Kementerian saya supaya Jawatankuasa serupa ini ditubuhkan di tiap-tiap buah negeri.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan untuk mencegah penyiksaan kanak-kanak adalah tidak cukup berkesan memandangkan kekurangan ahli-ahli penguatkuasaan? Suka saya mendapat tahu sama ada Kementerian bercadang untuk menambah kakitangan penguatkuasa untuk menguruskan perkara ini?

**Tuan Jawan Anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa Kementerian saya memang menimbangkan perkara ini dan sekiranya perlu biasa kita dapat tambah tetapi ini bergantung kepada kekuatan ekonomi negara kita.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa mengikut angka yang ada di Kementerianya ada 476 kes yang dilaporkan kepada Kementerian. Daripada jumlah itu, kita juga telah diberitahu bahawa 43 sahaja ibu bapa yang diambil tindakan. Saya ingin bertanya mengapa terjadi demikian.

Kedua, daripada jumlah kes 476 itu, 342 keadaan di tempat-tempat penyeliaan. Adakah kanak-kanak ini setelah tamat tempoh penyeliaan dibenarkan balik ke pangkuan keluarganya?

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes-kes yang dilaporkan kepada Kementerian saya seperti yang saya katakan tadi, memang betul. Atas siasatan yang tertentu ada juga kes-kes itu tidak memerlukan tindakan yang direktif, ada yang demikian. Ada kes yang ringan sedikit, mungkin itu tindakan ringan juga.

Budak-budak yang dimasukkan ke dalam Rumah Kanak-kanak seperti yang dikatakan tadi sekiranya mereka itu telah tamat dalam jagaan dan didapati mereka itu baik perangainya dan ibu bapa pun bertanggungjawab atas menjaga kanak-kanak itu dan kanak-kanak itu dapat ditentukan keselamatannya, maka mereka tidaklah salah kita melepaskan.

## PEMINDAHAN TEKNOLOGI BERAT

**9. Tuan Baharom bin Haji Bakar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah perkembangan Dasar Kerajaan mengenai soal-soal pemindahan teknologi berat dari negara-negara maju khususnya dari Jepun dan Korea Selatan ke negara ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan bahawa pemindahan teknologi berat ke negara kita masih lagi diperingkat permulaan. Ini adalah disebabkan pihak swasta amat berhati-hati untuk melibatkan diri dalam industri berat memandangkan kepada keperluan modal pelaburan yang besar yang juga bermakna mereka menghadapi risiko yang juga besar.

Berdasarkan perkembangan yang agak lambat inilah maka Kerajaan telah mengambil daya usaha untuk mempertingkatkan pelaburan dalam sektor industri ini dengan menubuhkan Perbadanan Perindustrian Berat Malaysia (HICOM) untuk menjadi daya penggerak utama. Oleh itu adalah masih terlalu awal untuk membuat penilaian ke atas kejayaan pemindehan teknologi berat dari negara-negara maju ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun setakat ini negara Jepun telah menunjukkan perkembangan pemindahan teknologi berat yang menggalakkan dengan penyertaan secara langsung bersama HICOM dalam projek-projek pembuatan simen di Kedah, bilet keluli di Trengganu, dan kereta motor di Shah Alam, Selangor. Ketiga-tiga projek industri berat ini telahpun memasuki pasaran. Sebelum daripada ini, Jepun juga telah lama terlibat dalam pemindahan teknologi industri besi keluli di Pulau Pinang.

Berbanding dengan negara Jepun, pemindahan teknologi berat dari Korea Selatan adalah tidak menggalakkan. Pada masa ini Korea Selatan terlibat dengan projek pengeluaran simen di negeri Perak secara usahasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak yang masih lagi di dalam peringkat perlaksanaan. Penglibatan Korea Selatan dalam pemindahan teknologi berat sektor pembuatan adalah terhad kerana ianya lebih menumpukan perhatian kepada sektor pembinaan seperti Jambatan Pulau Pinang melalui kontrak-kontrak yang diperolehi dan bukannya melalui projek usaha sama.

Walau bagaimanapun tidaklah menjadi masalah yang besar bagi Malaysia untuk mendapatkan pemindahan teknologi dari mana-mana negara asalkan kita sedia untuk membelinya. Kita boleh membeli teknologi berdasarkan kepada kemampuan dan kesediaan kita untuk membeli teknologi-teknologi berkenaan dengan bayaran yang difikirkan menasabah tetapi memberikan hasil yang memuaskan. Pilihan teknologi adalah terletak di tangan kita sendiri dan melalui proses ini akan dapat menyumbang ke arah pemindahan teknologi dari luar ke negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

*(Soalan No.10 Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai tidak hadir)*

## HAD MUATAN LORI DI JALANRAYA

**11. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah yang diambil bagi menyekat lori-lori yang lebih had muatannya melalui jalanraya dari Teluk Intan ke Bagan Datok kerana dengan adanya lori-lori yang lebih muatan itu melalui jalan ini, jalanraya tersebut selalu saja rosak.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Dato' Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bukan sahaja sedar bahawa jalanraya dari Teluk Intan ke Bagan Datok telah dirosakkan oleh lori-lori yang berlebihan muatan tetapi juga jalanraya-jalanraya lain yang telah mengalami keadaan yang serupa. Di antara langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini yang akan diambil oleh Kementerian saya ialah mendirikan beberapa stesen timbang muatan di tempat-tempat strategik disepanjang jalanraya di seluruh negara yang dikenal pasti telah dirosakkan oleh lori-lori seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dengan adanya stesen-stesen itu maka lori-lori yang disyaki membawa muatan lebih dari timbangan dan jika didapati membawa muatan lebih akan didenda secara kompaun oleh pihak berkuasa. Sebagai langkah tambahan, Kementerian saya juga akan menubuhkan Unit Penguatkuasaan Jalanraya dengan meminjam kakitangan daripada Jabatan Polis untuk bukan sahaja mengawal kegunaan jalanraya oleh kenderaan-kenderaan berlebihan muatan tetapi juga untuk menjaga keselamatan dan kebersihan jalanraya-jalanraya itu. Langkah-langkah ini dijangka akan berkuatkuasa dalam sedikit masa lagi.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri itu sedar bukan sahaja dengan kelebihan muatan lori-lori tersebut menyebabkan jalanraya bukan sahaja di Bagan Datok tetapi

diseluruh negara tetapi menyebabkan juga beberapa kemalangan berlaku di jalanraya. Dan di atas kemalangan yang berlaku itu pula mereka mendirikan tempat bersembahyang, tugu dan sebagainya yang boleh mengakibatkan kebersihan jalanraya itu terganggu.

Adakah Kementerian ini membuat satu undang-undang bagi perkara-perkara yang tidak baik dilihat oleh sesiapa pun dalam negara kita ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya sangat berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok yang sedar akan perkara ini. Sebenarnya Kementerian Kerjaraya khususnya Bahagian Jalanraya sedang mengkaji akan adanya berlaku sebahagian daripada masyarakat kita yang mendirikan batu-batu di tepi jalan sebagai tanda ingatan, umpamanya tempat berlaku kemalangan dan lain-lain lagi. Saya berharap perkara-perkara seperti ini pada masa hadapan tidak akan dibuat lagi sungguhpun mereka menaikkan atau mendirikan tanda ingatan ini kepada masyarakat dan keluarga mereka tetapi ianya boleh menjadi satu barang bahaya kepada masyarakat lain yang menggunakan jalanraya ini. Kita akan meninjau keseluruhan perkara ini dan saya percaya Kementerian Kerjaraya setelah pindaan Akta Pengambilan Jalanraya yang diberikan kepada Menteri di Kementerian Kerjaraya ini akan melihat supaya kebersihan bukan sahaja di atas jalanraya tetapi di bahagian reserve jalan akan ditentukan melalui pindaan Akta ini.

## SISTEM KESELAMATAN JALANRAYA

**12. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mencegah penambahan kemalangan-kemalangan jalanraya yang sering berlaku memandangkan negara kita mempunyai kadar kemalangan jalanraya yang amat tinggi di dunia dan juga pemunya-pemunya kenderaan di negara kita sedang membayar bayaran lesen kereta yang tinggi.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang serupa seperti maksud soalan ini dalam Dewan ini telah saya

jawab pada 23.3.84 dan 12.4.85 dalam mana saya telah menjelaskan mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk mencegah penambahan kemalangan jalanraya yang sering berlaku.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diadakan ialah:-

- (i) Pelaksanaan Sistem Keselamatan Jalanraya (KEJARA) bermula pada 1.2.84. Semenjak itu Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengeluarkan sebanyak 53 notis kepada pemandu-pemandu yang telah memperolehi 20 mata kesalahan atau lebih, meminta mereka memberi tunjuk-sebab secara bertulis mengapa lesen memandu mereka tidak perlu digantung kerana melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas jalanraya. Di samping itu rancangan-rancangan untuk menjalankan kursus-kursus pemulihan bagi pemandu-pemandu yang terlibat sedang disediakan.
- (ii) Jabatan Pengangkutan Jalan juga bercadang mengadakan latihan-latihan untuk Pengajar-pengajar Pemandu dengan tujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran mereka supaya pemandu-pemandu akan menjadi lebih cekap dan bertimbang kelak.
- (iii) Mulai pada 1.7.85, Kementerian ini telahpun memperkenalkan dan melaksanakan pemasangan Alat Amaran Had Laju untuk semua kenderaan berat perdagangan yang mempunyai berat dengan muatan 4,500 kg. ke atas yang didaftarkan pada atau selepas 1.7.85. Kenderaan yang didaftarkan sebelum 1.7.85 adalah diperlukan memasang alat itu sebelum 31.12.85.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bermacam ikhtiar telah dilakukan oleh pihak tertentu bagi mengurangkan kemalangan jalanraya termasuk mengadakan sistem KEJARA umpamanya, tetapi kemalangan terus berlaku.

Saya ingin mendapat kepastian daripada Timbalan Menteri, apakah sistem itu yang tidak betul ataupun orang yang melaksanakan, yang bertugas melaksanakan sistem itu yang tidak cekap, yang menyebabkan, walaupun sistem demi sistem dikemukakan atau diperkenalkan, kemalangan terus juga meningkat.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sistem itu yang tidak betul dan bukan orang yang melaksanakannya tidak cekap, tetapi orang yang menggunakan jalanraya itu yang tidak betul dan tidak cekap termasuklah Yang Berhormat sama agaknya. *(Ketawa)*

### KURSUS PENANAMAN PADI/BUAH-BUAHAN

**13. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pertanian menyatakan, adakah Kementerianya telah atau bercadang akan menghantar pegawai-pegawai/pembantu/juruteknik pertanian untuk berkursus/berlatih di dalam bidang penanaman padi dan buah-buahan di negeri Thai, memandangkan kemajuan yang dicapai oleh negara Thai di dalam bidang-bidang tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian khususnya Jabatan Pertanian telahpun menghantar pegawai dan juruteknik pertanian untuk berkursus dan berlatih di negeri Thai dalam berbagai bidang penanaman padi dan buah-buahan. Tiga orang Pegawai Pertanian telah dihantar berkursus dalam bidang pemerosesan benih dan seorang lagi dalam bidang penanaman padi. Dua orang Pembantu Pertanian pula telah dihantar untuk mengikuti kursus penanaman buah-buahan sementara dua orang Juruteknik Pertanian telah berkursus dalam penanaman padi dan seorang lagi dalam penanaman buah-buahan.

### SEKOLAH BANTUAN MODAL (CINA)

**14. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan memperuntukkan tambahan yang mencukupi dalam peruntukan tambahan peruntukan wang kepada sekolah-sekolah rendah Cina, di

Negeri Sarawak bagi tujuan pembaikan, penyelenggaraan dan penggantian bilik-bilik darjah dan kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah tersebut kerana banyak daripadanya adalah dalam keadaan usang.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Sekolah Bantuan Modal Jenis Sekolah Cina ialah lebih kurang 200 buah. Sekolah Bantuan Modal hanya menerima 50% hingga 75% bantuan daripada kos projek. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dari masa ke semasa ada menyediakan senarai Sekolah-sekolah Bantuan Modal yang memerlukan peruntukan untuk projek-projek gantian dan tambahan. Kementerian ini sentiasa menimbang dan meluluskan pemberian modal mengikut keutamaan kepada sekolah-sekolah berkenaan berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang sedia ada. Bagi tahun 1985, sebanyak \$2 juta telah diluluskan di bawah Program Pemberian Modal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

*(Soalan No.15 Y.B. Dr. Tan Seng Giaw tidak hadir).*

### RUNGUTAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA

**16. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah benarnya rungutan kontraktor Bumiputera bahawa terdapat kelewatan pendaftaran di Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor Bumiputera (Pusakabumi) sehingga menyebabkan ramai kontraktor-kontraktor Bumiputera yang terlepas peluang untuk memasuki tender di Jabatan-jabatan Kerajaan; jika benar apakah langkah-langkah yang telah berkesan untuk mengatasi masalah yang tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa kontraktor-kontraktor kerja sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera yang sedia berdaftar dengan berbagai Jabatan atau agensi Kerajaan masih boleh memasuki tender-tender di Jabatan, agensi Kerajaan yang mereka telah

berdaftar, walaupun pendaftaran mereka belum lagi diambilalih di dalam daftar Pusakabumi.

Urusan pengambilalih pendaftaran kontraktor-kontraktor kerja yang sedia berdaftar dengan berbagai Jabatan dengan agensi masih belum selesai. Ini bermakna terdapat kontraktor-kontraktor yang pendaftarannya telah pun ditukar kepada pendaftaran Pusakabumi dan ada lagi yang belum lagi ditukar ke pendaftaran Pusakabumi. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa kontraktor-kontraktor kerja yang pendaftarannya belum lagi ditukar ke pendaftaran Pusakabumi tidaklah dihalang dari memasuki tender-tender di Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di mana mereka asalnya berdaftar. Umpamanya, mereka yang sedia berdaftar dengan JKR, JPT dan PKNS dan lain-lain masih boleh memasuki tender-tender di Jabatan-jabatan itu. Oleh itu rungutan kontraktor bumiputera bahawa kelewatan pendaftaran Pusakabumi telah menyebabkan ramai kontraktor bumiputera terlepas peluang untuk memasuki tender adalah kurang tepat. Bagi mereka yang baru ingin menjadi kontraktor, mereka perlu berdaftar dengan Pusakabumi.

Setakat ini Pusakabumi telah menerima permohonan-permohonan pendaftarannya yang baru sebanyak 2,233 iaitu yang baru. Urusan memproses dan menimbang permohonan itu adalah berbeza mengikut kes iaitu jika tidak permohonan yang dikemukakan lengkap dan segala dokumen yang perlu telah dikemukakan bersama, maka jangka masa purata yang telah diambil ialah antara 2 atau 3 bulan. Tetapi dalam kebanyakan permohonan-permohonan yang dikemukakan banyak persuratan berlaku untuk meminta laporan-laporan lengkap daripada pihak bank dan agensi-agensi lain bagi mengesahkan butir-butir dalam permohonan tersebut, sudah tentulah persuratan demikian akan memakan masa dan Faktor inilah yang banyak melambatkan proses menimbang permohonan berkenaan. Walau bagaimanapun Kerajaan belum bercadang meningkatkan proses penyemakan dan pengesahan butir-butir yang dikemukakan kerana matlamat utama pendaftaran ialah untuk memastikan bahawa setiap syarikat yang

ingin berdaftar mempunyai keupayaan teknikal dan kewangan, semoga kontrak-kontrak Kerajaan tidak tergendala perlaksanaannya.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa Pusakabumi akan memastikan keupayaan kontraktor-kontraktor bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri daripada jumlah kontraktor-kontraktor sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera yang telah didaftarkan dengan Pusakabumi ataupun yang telah dibaharui dengan Pusakabumi, berapakah kontraktor-kontraktor yang telah ditarik balik permit mereka kerana kesalahan-kesalahan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dari segi keupayaan dan sebagainya. Jadi apakah kebanyakan sebab-sebab permit mereka telah ditarik balik.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis untuk memberikan angka dan cuma yang saya dapat jelaskan ialah selain daripada keadaan menarik balik, kita juga menerima permohonan supaya kelas syarikat-syarikat itu dinaikkan kepada yang lebih tinggi lagi.

## RINGGIT MALAYSIA — PENILAIAN

**17. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Ringgit Malaysia telah dinilai berlebihan kerana ia telah bertambah dalam kekuatan terhadap kebanyakan matawang-matawang termasuk Deutsche Mark, Yen dan Sterling demikian membuat eksport Malaysia kurang berasingan dalam harga berbanding dengan negara-negara ketiga yang lain.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr. Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun-tahun 1970an, berikutan dengan turunnya nilai dollar Amerika Syarikat dan penggunaan matawang-matawang utama antarabangsa Ringgit Malaysia telah diapungkan pada 21.6.1973 supaya nilai pasarannya dapat ditentukan.

Pada bulan September 1975, Kerajaan telah memutuskan bahawa ukuran yang amat sesuai bagi nilai Ringgit bukanlah berbanding dengan emas atau mana-mana matawang, tetapi adalah berbanding dengan sekumpulan matawang negara-negara rakan perdagangan utama Malaysia. Semenjak itu, Tuan Yang di-Pertua, nilai Ringgit ditentukan berbanding dengan sekumpulan matawang-matawang ini. Oleh kerana itu nilai Ringgit pada sebarang masa dan ketika boleh meningkat atau menurun berbanding dengan satu-satu matawang. Ini adalah kerana matawang-matawang utama ini juga terাপung berbanding antara satu dengan lain.

Sistem pengapungan berasaskan sekumpulan matawang ini dapat menentukan kadar penukaran yang seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, kadar ini diukur berdasarkan kadar pertukaran matawang antarabangsa yang utama kepada Malaysia seperti Dollar Amerika Syarikat, Deutschemark, Yen dan Pound Sterling dan bukan terhadap matawang tertentu. Berdasarkan kepada keadaan ini jika nilai Ringgit meningkat terhadap satu-satu matawang tidaklah bermakna yang Ringgit telah dinilai lebih berlebihan keseluruhannya.

Soal kurang perasingan eksport Malaysia oleh kerana kekukuhan Ringgit adalah satu keadaan yang perlu diambil perhatian dari segi pergerakan nilai matawang yang dinamik. Pada satu-satu masa seperti yang diterangkan nilai Ringgit boleh menjadi kukuh ataupun lemah kerana sistem mengapong Ringgit bergantung kepada perkembangan di pasaran pertukaran wang antarabangsa. Oleh itu, tidaklah bermakna nilai Ringgit perlu diturunkan hanya untuk meningkatkan perasingan eksport Malaysia. Perasingan eksport Malaysia boleh ditingkatkan lagi melalui meningkatkan produktiviti oleh pengeluar-pengeluar barang eksport.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

*(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj. Kita boleh habis banyak soalan hari ini.

*(Soalan No. 19 Y.B. Tuan V. Govindaraj tidak hadir).*

#### **STESEN MINYAK BUMIPUTERA / BUKAN BUMIPUTERA**

**20. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) bilangan stesen-stesen minyak di negara ini yang diselenggarakan oleh orang-orang Bumiputera dan bukan Bumiputera;
- (ii) sama ada angka-angka bagi (i) di atas meliputi stesen-stesen minyak PETRONAS; jika tidak, nyatakan bilangan stesen-stesen minyak PETRONAS yang diselenggarakan oleh orang-orang Bumiputera dan bukan Bumiputera;
- (iii) peratus industri petroleum yang dimiliki oleh orang-orang Bumiputera, bukan Bumiputera dan orang-orang asing; dan
- (iv) sama ada apabila sasaran Dasar Ekonomi Baru berhubung dengan industri petroleum dicapai, orang-orang bukan Bumiputera akan dipelawa menyertai industri petroleum.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua,

(i) Bilangan stesen-stesen minyak yang telah diberi lesen sehingga 31hb Disember, 1984 adalah sebanyak 1,480 stesen, yang mana 404 (27.3%) stesen diusahakan oleh Bumiputera dan 1,076 (72.7%) stesen diusahakan oleh bukan Bumiputera.

(ii) Angka-angka yang dinyatakan tadi adalah termasuk jumlah stesen-stesen minyak PETRONAS iaitu sebanyak 66 buah stesen yang kesemuanya diusahakan oleh Bumiputera. Stesen-stesen PETRONAS ini hanyalah merupakan 4.5% sahaja daripada jumlah stesen-stesen minyak yang ada di Malaysia.

(iii) Bagi aktiviti mengedar bahan-bahan petroleum secara borong, kedudukan pengeluaran lesen oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sehingga 31.12.84 adalah seperti berikut:

	Bukan Bumiputera		Usahasama	Jumlah
	Bumiputera	Bumiputera		
Memasardan Mengedar Bahan-bahan Petroleum dan Gas Petroleum Cecair	34%	60%	6%	100%
Membekalkan Perkhidmatan Pengangkutan kepada Syarikat-syarikat Minyak	38%	33%	26%	
Memasardan Runcit melalui Stesen Minyak	27%	73%		

(iv) Soal ini tidak berbangkit oleh kerana tujuan Dasar Ekonomi Baru adalah untuk memberi petuang kepada Bumiputera menyertai bidang-bidang dalam mana penyertaan mereka adalah rendah. Ini dengan sendirinya memberi implikasi bahawa bukan Bumiputera sudah pun bergiat dan mempunyai peluang untuk terus bergiat dalam semua industri. Sebagai contoh, dari segi pemberian lesen yang dikeluarkan bagi pengedar-pengedar petroleum secara borong dari jumlah lesen-lesen yang dikeluarkan pada tahun 1984 iaitu sebanyak 229 lesen, sejumlah 87 lesen telah dikeluarkan kepada bukan Bumiputera, 117 lesen kepada Bumiputera dan 25 lesen kepada Usahasama Bumiputera dan bukan Bumiputera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 10, 15, 18, 19, 21 hingga 38 adalah diberi di bawah ini.)*

## MATAPELAJARAN 3M — PELAKSANAAN

**1. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kekurangan alat pengajaran (Kit) dan terlalu banyak buku-buku telah menghalang pelaksanaan sistem 3M dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Adalah tidak benar untuk mengatakan terdapat kekurangan alat pengajaran atau kit kerana alat pengajaran atau kit yang dikeluarkan adalah mencukupi untuk kegunaan asas bagi matapelajaran 3M. Pihak sekolah atau guru juga boleh mendapatkan alat pengajaran yang lain termasuk yang terdapat di pasaran untuk menampung di mana yang kurang.

Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa terlalu banyak buku telah menghalang pelaksanaan sistem 3M juga adalah tidak benar. Pihak Kementerian Pelajaran membekalkan hanya sebuah buku bagi tiap-tiap malapelajaran Bahasa, Matematik, Pendidikan Moral, Alam dan Manusia dan dua buah buku bagi Pendidikan Agama Islam. Jika perlu, untuk tujuan pemulihan dan pengkayaan, guru-guru bolehlah menggunakan buku-buku tambahan yang terdapat dalam pasaran.

## PERBELANJAAN SUBSIDI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA

**10. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- anggaran belanja untuk tujuan 'subsidi' bagi tempoh 1981 — 1984 dengan memberi angka-angka tahunan;
- belanja-belanja tersebut merupakan berapa peratus Belanjawan tahunan; dan
- memandangkan dasar Kerajaan untuk mengikis sikap subsidi, apakah Kerajaan akan banyak mengurangkan jumlah subsidi dalam Rancangan Malaysia Kelima.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:**

- Jumlah perbelanjaan bagi tujuan subsidi bagi tempoh 1981 hingga 1984 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (\$ juta)
1981	1,369.09
1982	1,496.16
1983	1,400.50
1984	619.20

- (b) Dari segi peratus jumlah perbelanjaan tahunan, perbelanjaan untuk tujuan subsidi adalah seperti berikut:-

Tahun	Peratus
1981	5.0
1982	5.3
1983	5.0
1984	2.3

- (c) Adalah benar bahawa Kerajaan sedang berusaha untuk mengikis sikap bergantung kepada subsidi dari pemikiran di kalangan petani-petani, nelayan-nelayan, peniaga-peniaga kecil dan sebagainya. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memupuk semangat berdikari di antara mereka-mereka di dalam golongan ini supaya mereka tidak lagi mengharapkan bantuan secara berterusan dari Kerajaan semata-mata untuk mengendalikan kerja dan usaha masing-masing. Sehubungan dengan dasar ini, Kerajaan sedang menimbang pengurangan peruntukan subsidi dan sebaliknya, menambah peruntukan kredit dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk menolok mereka di dalam golongan ini.

#### LAPANGAN TERBANG SUBANG — PEMBAIKAN

**15. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah wang yang telah di belanjakan untuk pembaikan yang dibuat ke atas Lapangan Terbang Subang, iaitu diperhentian (terminal) satu dan dua. Apakah rancangan yang telah ada bagi penggunaan perhentian kedua. Bilakah rancangan ini akan dilaksanakan; dan maklumat lengkap serta sebab-sebab yang dapat menyokong pembinaan perhentian ini.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Perbelanjaan yang terlibat untuk pembaikan Terminal I dan pembinaan Terminal II Lapangan

Terbang Antarabangsa Subang adalah seperti berikut:-

- (i) Kos mengubahsuai Terminal I ialah \$120 juta; dan
- (ii) Kos membina Terminal II pula ialah \$19 juta.

Tujuan asal membina Terminal II adalah sebagai terminal gantian atau sementara untuk mengendalikan penumpang-penumpang semasa kerja-kerja pengubahsuaian Terminal I dijalankan. Apabila Terminal I dibuka semula pada 1hb Jun, 1983, dan segala operasi dipindahkan semula ke Terminal I sebahagian daripada Terminal II adalah pula digunakan bagi penempatan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam dan sebahagiannya lagi bagi digunakan sebagai balai tiba untuk memproses penerbangan-penerbangan haji yang pulang dari Jeddah. Terminal II adalah juga digunakan untuk mengendalikan penerbangan-penerbangan khas tidak berjadual.

#### KERETAPI BARU TIMUR-BARAT — RANCANGAN

**18. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak Keretapi Tanah Melayu akan meneruskan rancangan pembinaan landasan Timur/Barat seperti yang diura-urakan. Jika rancangan ini diteruskan apakah bentuk landasan yang akan di bina dan bagaimanakan projek ini akan di biayai, jika diswastakan adakah penglibatan orang tempatan dan juga penglibatan kontraktor tempatan.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Rancangan Keretapi Baru Timur-Barat yang menyambungkan Pelabuhan Kelang dengan bandar-bandar di negeri Pantai Timur Semenanjung adalah di dalam peringkat akhir persiapan untuk mendapatkan keputusan oleh Kerajaan. Pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sedang menyiapkan kertas laporan untuk Kabinet membuat keputusan sama ada projek ini perlu dijalankan atau sebaliknya. Laporan ini di jangka akan dikemukakan kepada Kabinet

sedikit hari lagi. Laporan ini juga akan memberikan cadangan bentuk pembiayaan dan pelaksanaannya. Pihak Kerajaan akan menentukan institusi-institusi atau pihak mana yang akan melaksanakan projek ini kelak.

Mengenai penglibatan orang tempatan dan kontraktor tempatan, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan perkara ini seberapa yang boleh mengikut kemampuan teknik kontraktor tempatan.

### **PENYELIDIKAN/PEMBANGUNAN SAINS SEKTOR SWASTA**

**19. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian ini bagi menggalakkan para pengusaha-pengusaha tempatan dari aspek pertanian, bahan-bahan mentah dan sumber-sumber galian untuk mencebur diri dalam bidang penyelidikan dan pengkajian demi kepentingan masa depan ekonomi negara kita.

**Tuan Law Heing Ding:** Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan di dalam bidang sains oleh sektor swasta.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ke arah tersebut adalah secara am seperti:-

- (a) mengelolakan seminar, bengkel dan kursus latihan;
- (b) pengenalan teknologi-teknologi baru yang berkaitan dengan bidang pertanian, bahan-bahan mentah dan sumber-sumber galian.

Kerajaan adalah sedar bahawa penglibatan sektor perindustrian dalam penyelidikan dan pembangunan sains adalah sangat-sangat diperlukan dan sepatutnya diberikan galakan untuk meningkat lagi aktiviti-aktiviti sektor perindustrian. Oleh yang demikian, Kerajaan telah membenarkan perbelanjaan R & D oleh pihak swasta dikecualikan daripada cukai. Tambahan pula, pengecualian ini ditetapkan kepada kadar satu satu-pertiga kali daripada jumlah perbelanjaan yang telah digunakan oleh pihak swasta dalam aktiviti-aktiviti R & D

nya. Aktiviti-aktiviti R & D ini boleh dilaksanakan oleh syarikat secara persendirian ataupun secara kontrak kepada pertubuhan-pertubuhan R & D di negara ini. Bangunan dan infrastruktur yang ditubuhkan untuk maksud R & D oleh syarikat-syarikat yang berkenaan boleh dianggap sebagai bangunan perkilangan yang dapat insentif pengecualian cukai yang tertentu. Ini adalah satu cara untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam aktiviti-aktiviti R & D.

Kementerian saya telahpun mengendalikan sesi-sesi dialog dengan pertubuhan iktibas dan saintifik dengan tujuan mencari jalan untuk meningkatkan lagi R & D di dalam sektor swasta. Kerajaan telahpun menubuhkan beberapa institusi R & D seperti PORIM, RRIM, MARDI, FRI dan SIRIM yang boleh bertindak sebagai katalis kepada usaha penyelidikan yang dijalankan oleh pihak swasta. Dalam pada itu, Kementerian saya menggalakkan usaha bersama di dalam penyediaan di antara sektor swasta dengan mana-mana institusi penyelidikan Kerajaan.

### **MEMORANDUM TERHADAP SEKOLAH MENENGAH SERI MAHKOTA**

**21. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa 33 orang ibu bapa telah mengemukakan satu memorandum berkenaan integrasi bangsa pelajar Sekolah Menengah Seri Mahkota di Kuantan baru-baru ini. Jika ya menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah menjalankan sebarang penyiasatan terhadap pengaduan tersebut;
- (b) hasil-hasil penyiasatan tersebut.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Kementerian ini sememangnya ada menerima memorandum tersebut. Pihak Jabatan Pelajaran Negeri Pahang telah menjalankan siasatan lebih awal ke atas kejadian pengaduan di Sekolah Menengah Seri Mahkota, Kuantan sebelum memorandum itu diterima. Daripada penyiasatan itu didapati disiplin di Sekolah ini pada keseluruhannya adalah terkawal dan tindakan sewajarnya telah diambil.

## PETAK LETAK KERETA DI KUALA LUMPUR

**22. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:-

- (a) sama ada beliau sedar bahawa dikebangunkan tempat dalam Bandaraya Kuala Lumpur hari ini, terutamanya dalam kawasan Tigasegi Emas, pembinaan bangunan berbilang tingkat yang terlalu banyak telah mengakibatkan implikasi yang serius ke atas alam sekitar, iaitu kesesakan lalulintas, kekurangan petak letak kereta, jika sedar, apakah tindakan yang Kementerian cadangkan untuk diambil bagi mengatasi masalah ini; dan
- (b) apakah langkah yang Kementerian bercadang hendak ambil untuk mengurangkan kesesakan lalulintas pada setiap hari dalam kawasan pembangunan yang padat dalam Bandaraya seperti Jalan Ampang/Jalan Tun Razak dan Jalan Cheras yang digunakan oleh penduduk-penduduk dari 30 kawasan perumahan di kawasan-kawasan tersebut.

**Datuk Shahrir bin Abdul Samad:**

- (a) Saya memang sedar bahawa pembinaan bangunan berbilang tingkat, terutamanya di dalam Kawasan Tigasegi Emas (Golden Triangle), telah mengakibatkan masalah kesesakan lalulintas serta kekurangan petak letak kereta. Masalah ini disebabkan oleh kerana kebanyakan bangunan berbilang tingkat ini adalah jenis perdagangan dan pejabat, iaitu jenis kegunaan tanah yang mengakibatkan tumpuan trafik dan manusia berlebihan. Oleh hal yang demikian, pada tahun lalu, telah mengarahkan kepada pihak perancang bandaraya Kuala Lumpur supaya tidak menggalakkan pembangunan jenis perdagangan dan pejabat di pusat bandaraya, seperti di Kawasan Tigasegi Emas, dan sebaliknya diberikan galakan lebih kepada pembangunan jenis kediaman. Pada kebiasaannya, pembangunan jenis kediaman, walaupun berbilang tingkat, tidak

akan mengakibatkan tumpuan trafik dan manusia yang berlebihan.

Memandang kepada masalah yang telah dikemukakan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu, maka amatlah tepat sekali strategi pembangunan Kerajaan bagi Wilayah Persekutuan. Strategi pembangunan ini ialah dengan merancang untuk pembangunan sederhana di pusat bandaraya dan pembangunan yang lebih pesat di kawasan luar dari pusat bandaraya. Melalui strategi ini akan diselerakkan pembangunan kepada keseluruhan kawasan di Wilayah Persekutuan agar masalah kesesakan lalulintas dan sebagainya dapat dikurangkan. Dari aspek dasar pengangkutan pula, pelaksanaan sistem transit laju ringan (STLR) dan Aerobus akan dapat mengurangkan kemasukan kenderaan persendirian di pusat bandaraya selain dari membantu pencapaian strategi untuk menyelerakkan pembangunan di Wilayah Persekutuan.

- (b) Langkah pertama yang telah diambil oleh Kerajaan ialah dengan memberi notis kepada Kelab Lumba Kuda Selangor untuk berpindah dari kedudukannya sekarang di Jalan Ampang. Langkah pertama ialah dengan memindahkan urusan 'off course'nya ke Sungai Besi. Kelab ini akan berpindah dalam masa tiga tahun lagi dan secara langsung ini akan mengurangkan kesesakan lalulintas khususnya di hujung minggu.

Langkah kedua ialah dengan merancang bagi menggantikan bulatan-bulatan di Kuala Lumpur dengan persimpangan yang lebih sesuai serta meningkatkan kemampuan persimpangan-persimpangan yang lain.

Selanjutnya di Jalan Cheras, Lebuhraya Perhubungan Timur-Barat (East-West Link) yang menghubungkan Jalan Cheras ke Jalan Sungai Besi

dan Lebuhraya Seremban telah dicadangkan, disamping untuk mengemaskinikan 2 buah bulatan di kilometer 5 dan 8 Jalan Cheras kepada 'grade-separated interchange' dan membesarkan bahagian jalan tersebut kepada 6 lorong. Di dalam perancangan projek ini, bulatan Edinburgh akan juga dijadikan sebagai persimpangan bertingkat. Kementerian saya bercadang untuk menswastakan projek tersebut. Mengenai Jalan Ampang/Jalan Tun Razak pula, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mencadangkan 'grade-separated interchange' yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$16.5 juta.

### SEKOLAH — TAMBAHAN MASA BELAJAR

**23. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa masa belajar sekolah dalam setahun sekarang ini tidak mencukupi dan dicadang untuk menambah masa atau hari belajar.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa masa yang ditetapkan untuk tiap-tiap matapelajaran yang diajar sekarang ini adalah sesuai dan mencukupi untuk mencapai objektif dan matlamat setiap matapelajaran, selaras dengan sukatan pelajaran yang sedia ada. Oleh itu Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menambah masa atau hari belajar ini.

### PENYELIDIKAN TERHADAP TUMBUH-TUMBUHAN

**24. Tuan Mamat Gha/alcc bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah penyelidikan yang komprehensif terhadap tumbuhan-tumbuhan yang boleh menjadi ubat-ubatan. Jika ada apa hasilnya, dan apa langkah untuk eksploitasi bagi kegunaan perubatan secara saintifik maupun secara tradisional.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Setakat ini belum lagi terdapat suatu lagi penyelidikan yang komprehensif terhadap tumbuhan-tumbuhan yang boleh menjadi ubat-ubatan. Beberapa penyelidikan di dalam bidang-bidang tertentu telah dijalankan oleh badan badan penyelidikan termasuk di MARDI. Penyelidikan di MARDI ditumpukan dalam bidang pengumpulan dan pemilihan tumbuhan-tumbuhan dan sistem penanaman tumbuhan-tumbuhan yang boleh menjadi ubat-ubatan, Langkah-langkah perlu sudah dan sedang diambil untuk memastikan supaya suatu program penyelidikan yang komprehensif dapat diwujudkan bersama-sama jabatan-jabatan dan institusi yang terlibat di dalam bidang ini.

### KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

**25. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat tarikh ini apakah darjah kejayaan telah tercapai dengan kempen tersebut kepada orang-orang individu bukanlah lebih baik kempen tersebut diarahkan lebih kepada mereka yang menggunakan barang barangan modal/pelaburan dan barang-barang 'intermediate' yang sama-sama dalam tahun 1984, menggunakan 'bulk' utama import, iaitu 33% dan 46% daripada import adalah bagi barang barangan modal/pelaburan dan intermediate masing-masing kerana barang barangan tahan lama pengguna diletakkan hanya 5% bil import Malaysia dalam tahun 1984.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.Yassin:** Kempen 'Belilah Barangan Buatan Malaysia' adalah ditujukan kepada semua sektor sama ada pengguna individu atau sektor industri yang memerlukan barang-barang 'intermediate'. Usaha-usaha sedangpun dijalankan untuk menggalakkan mereka supaya menggunakan bahan-bahan dan teknologi tempatan yang sesuai, seperti pertandingan bagi merebut Anugerah Barangan Cemerlang dan Anugerah Terbaik Barangan Cemerlang. Pertandingan tersebut bertujuan memilih dan membawa perhatian umum pekilang-pekilang tempatan yang berjaya mengeluarkan barang-barang yang bermutu, yang banyak menggunakan bahan-bahan dan teknologi tempatan. Pertandingan ini akan dijalankan di luar sektor industri

yakni sektor-sektor industri makanan, 'kimia, kejuruteraan, bahan binaan, tekstile dan pakaian, getah dan elastik, kayu dan kertas dan eletrik & eletronik. Pemilihan akan didasarkan kepada kriteria mutu, bahan tempatan dan teknologi tempatan yang digunakan.

Sambutan dan penyertaan dalam pertandingan ini yang dianjurkan oleh Kementerian saya amat memuaskan. Sebanyak 121 pekilang-pekilang tempatan yang melibatkan sebanyak 226 jenis barangan bertanding untuk merebut gelaran Anugerah Barangan Cemerlang dan Anugerah Terbaik Barangan Cemerlang. Ini dengan sendirinya menunjukkan keyakinan industri-industri tempatan kita terhadap kemampuan masing-masing menghasilkan barangan yang bermutu dan banyak mengandungi bahan-bahan tempatan serta menggunakan teknologi tempatan.

Perlulah saya menarik perhatian juga bahawa negara masih perlu mengimport barangan 'capital' atau 'intermediate' sekiranya tidak dihasilkan dalam negeri.

### SKANDAL PINJAMAN BMF

**26. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan untuk membawa kemuka pengadil orang-orang yang bertanggungjawab terhadap skandal \$2.5 billion BMF serta mendapatkan balik kepada Malaysia pinjaman-pinjaman tersebut.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Jawatankuasa Penyiasat yang diketuai oleh Y.B. Tan Sri Ahmad Noordin telah mengambil keputusan mengemukakan beberapa 'brief dan laporan kepada Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB). Melalui 'brief tersebut Jawatankuasa itu melaporkan bahawa mereka sedang dalam proses menyiapkan laporan akhir penemuan-penemuan mereka dalam kes skandal pinjaman BMF (Hong Kong) ini. Y.B. Tan Sri Ahmad Noordin telah berjanji kepada BBMB untuk mengemukakan laporan akhir tersebut pada bulan April, yang lalu. Tetapi oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, Jawatankuasa tidak dapat menyiapkan laporan itu pada tarikh yang dijanjikan. Berdasarkan 'brief

yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa, BBMB dan BMF (Hong Kong) telahpun melaporkan kes ini kepada pihak polis tempatan dan juga pihak-pihak berkuasa di Hong Kong untuk tindakan selanjutnya.

Berdasarkan kenyataan Peguam Negara melalui akbhar-akhbar tempatan pada 1hb. Julai, 1985 lalu, pihak polis telahpun selesai menjalankan penyiasatan mereka ke atas kes ini. Peguam Negara juga telah menyatakan bahawa tindakan undang-undang tidak dapat diambil di negara ini di atas kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan di luar Malaysia. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada kenyataan itu.

### RASUAH AHLI POLITIK — TUDUHAN

**27. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) keputusan hasil tangkapan 4, orang Ahli Politik yang dipercayai ahli-ahli UMNO oleh Badan Pencegah Rasuah pada 16.10.84 di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang kerana dituduh menerima rasuah sebanyak \$700,000.00 dari seorang pemaju perumahan bagi membolehkan pemaju tersebut mendapatkan pinjaman sebanyak \$20 juta; dan
- (b) menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap keempat-empat Ahli Politik berkenaan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Menyentuh bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya 3 orang ahli politik telah ditahan pada 13 Oktober 1984 (bukannya pada 16 Oktober 1984) oleh pihak Badan Pencegah Rasuah di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Berhubung bahagian kedua, sukalah saya nyatakan siasatan ke atas kes ini telahpun selesai di mana ketiga-tiga orang yang ditohmah itu telahpun dituduh di Mahkamah Pulau Pinang pada 1 Julai 1985 di bawah Seksyen 3(a)(ii) dan 3(a)(i) Akta Pencegah Rasuah 1961.

**PEJABAT POS BARU DI KEPONG**

**28. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan beliau telah menyatakan rancangan mengadakan pejabat pos yang baru bagi Kepong Baru di Dewan yang mulia ini, apakah sebab-sebab projek tersebut dilengahkan dan berapa jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi projek ini.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah memasukkan Pejabat Pos Kepong Baru sebagai satu cadangan di bawah Kajian Semula Separuh Penggal RM4 dahulu tetapi telah tidak diluluskan. Oleh yang demikian, soal melengahkan projek tersebut tidak berbangkit. Bagaimanapun, cadangan ini telah dimasukkan semula sebagai satu cadangan projek di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan setakat ini keputusannya belum diketahui lagi.

**PERWIRA HABIB BANK — TUDUHAN RASUAH**

**29. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan memberi butir-butir lanjut mengenai siasatan yang dijalankan ke atas eksekutif-eksekutif pembangunan tinggi Perwira Habib Bank Malaysia Berhad sama ada komisyen atau sogokan dituntut oleh mereka dan jika ya, sama ada mereka akan dituduh dalam mahkamah.

*(Sila lihat Jawapan No. 33 pada 24.7.85)*

**AGENSI LUAR BELANJAWAN (OBA)**

**30. Tuan Gooi Hack Seng** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) nama-nama 14 buah pihak berkuasa awam yang akan dikawal perbelanjaan mereka dengan segera sebagai satu langkah bagi meneliti perbelanjaan negara; dan
- (b) butir-butir lengkap berkenaan garis panduan perbelanjaan agensi-agensi awam sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:**

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 40 buah Agensi-agensi Luar Belajawan yang akan diawasi oleh Kerajaan setakat ini dan 14 buah agensi-agensi utama ataupun tradisional adalah seperti berikut:-

1. Lembaga Letrik Negara
2. Lembaga Letrik Sabah
3. Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak
4. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
5. Lembaga Pelabuhan Kelang
6. Lembaga Pelabuhan Kuching
7. Keretapi Tanah Melayu
8. Jabatan Talikom
9. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
10. Majlis Perbandaran Pulau Pinang
11. Majlis Perbandaran Ipoh
12. Majlis Perbandaran Melaka
13. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
14. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

(b) Satu jawatankuasa telah ditubuhkan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan untuk mengujudkan satu jentera pentadbiran bagi mengkaji, mengawas dan meluluskan perbelanjaan bagi Agensi-agensi Luar Belanjawan ini. Garis panduan yang sewajarnya akan dikeluarkan sedikit masa lagi mengenai perkara ini.

**CUKAI PERKHIDMATAN**

**31. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak rayuan yang telah diterima daripada pertubuhan yang

terlibat berkaitan dengan cukai perkhidmatan sebanyak 10% yang dikenakan oleh Kerajaan dan apakah langkah yang sedang diambil untuk menimbang rayuan-rayuan ini dan mengurangkan atau menghapuskan cukai perkhidmatan 10% ini demi kepentingan pengguna dan para pengusaha restoran dan pusat-pusat makanan yang terlibat.

**32. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah anggaran kutipan cukai servis di restoran berbanding dengan jumlah sebenar yang diterima bagi tahun 1983, 1984 dan 1985; dan bilangan restoran yang telah mengumpul tikar pada 1983, 1984 dan 1985.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Pada petang ini dua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan-soalan mengenai cukai perkhidmatan dan dengan izin saya ingin menjawab kedua-dua soalan ini sekarang.

Mengenai soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya ingin maklumkan bahawa setakat ini terdapat beberapa persatuan/pertubuhan yang telah mengemukakan rayuan supaya kadar cukai perkhidmatan 10% itu dikurangkan. Baru-baru ini dalam Dailog Belanjawan 1986, dua buah pertubuhan iaitu Persatuan Hotel Malaysia dan Institut Akauntan Umum Malaysia telah merayu supaya Kerajaan menurunkan kadar cukai perkhidmatan itu. Kementerian saya sedang mengkaji rayuan-rayuan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut pula telah membangkitkan dua soalan dan jawapannya adalah seperti berikut:-

Mengenai soalan pertama, saya ingin maklumkan bahawa Kementerian saya tidak membuat anggaran bagi kutipan cukai perkhidmatan ke atas restoran-restoran akan tetapi kutipan sebenar ke atasnya bagi tahun 1983 ialah \$37.8 juta sementara bagi tahun 1984 pula ialah \$38 juta.

Mengenai soalan kedua, suka dimaklumkan bahawa bagi tahun 1983 sebanyak 61 buah restoran yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan telah menutup perniagaan mereka sementara bagi tahun 1984, angka tersebut ialah

83 buah. Bagi tahun 1985 angka tersebut masih belum ditetapkan. Namun begitu, adalah wajar diperhatikan bahawa restoran-restoran baru yang telah mula membayar cukai perkhidmatan bagi tahun 1983 ialah 18 buah manakala bagi tahun 1984 pula ialah 89 buah.

### **RUMAH-RUMAH PKEN — JUALAN**

**33. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd.Rahman** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (i) bilangan Rumah kos Rendah, Rumah Kos sederhana, Rumah Kos Tinggi yang telah dibina oleh PKEN-PKEN dalam tempoh 1981 sekarang, dan berapa pelaburannya;
- (ii) berapa rumah-rumah PKEN yang tidak dapat dijual, dan mengapa. Apa langkah-langkah untuk atasinya; dan
- (iii) apa peranan bank-bank dan institusi-institusi kewangan membantu PKEN menjayakan program-program perumahan mereka.

### **Tuan Daud bin Dato Haji Taha:**

- (i) Sepanjang tempoh 1981 hingga sekarang sejumlah 60,144 unit telah dapat disiapkan oleh PKEN-PKEN dengan jumlah pelaburan sebanyak \$2,317.7 juta. Daripada jumlah itu sejumlah 28,086 unit adalah merupakan Rumah Kos Rendah, 27,674 unit rumah kos sederhana dan 4,384 unit rumah kos tinggi.
- (ii) Pada masa ini sejumlah 13,027 unit rumah yang telah disiapkan oleh PKEN-PKEN masih dalam peringkat penjualan. Daripada jumlah ini sebanyak 126 unit sahaja merupakan rumah-rumah kos rendah.

Perkara ini berlaku adalah berikutan dengan kelembapan pasaran harta yang pada keseluruhannya berpunca dari:-

- (i) kekurangan kuasa membeli (purchasing power) lanjutan dari kelembapan ekonomi pada amnya.

- (ii) Syarat-syarat pinjaman yang diperketatkan sama ada bagi pinjaman Kerajaan mahupun pinjaman bank.
- (iii) kadar faedah yang tinggi;
- (iv) kadar gaji yang telah ditetapkan oleh pihak bank bagi tujuan pinjaman;
- (v) quota jualan kepada Bumiputra;
- (vi) sikap pembeli yang lebih suka kepada rumah jenis teres berbanding dengan rumah pangsa (flat) sedangkan atas sebab-sebab kekurangan tanah PKEN terpaksa membina rumah pangsa; dan
- (vii) sikap pembeli yang menunggu harga turun, lebih-lebih lagi dalam keadaan pasaran lembab seperti sekarang.

Masalah-masalah yang dihadapi adalah di luar kawalan PKEN-PKEN. Namun begitu usaha-usaha sedang dan akan terus diambil dari segi strategi perlaksanaan dan pemasaran bagi menyesuaikan dengan keadaan persekitaran yang telah berubah. Antara tindakan-tindakan yang akan diambil ialah:-

- (i) potongan harga;
  - (ii) memudahkan syarat-syarat jualan misalnya memansuhkan bayaran 10% pendahuluan semasa menandatangani jualbeli;
  - (iii) membenarkan Bumiputra membeli lebih dari satu unit;
  - (iv) menjalankan kajian yang lebih teliti dari segi pasaran, kos, harga jualan, rekabentuk dan lokasi serta kemampuan pembeli sebelum melaksanakan projek-projek baru; dan
  - (v) meningkatkan usaha-usaha kos 'saving' dalam pengurusan rekabentuk dan bahan-bahan yang digunakan.
- (III) Bagi membantu PKEN-PKEN menayakan program-program perumahan mereka pihak bank/institusi kewangan telah mengadakan 2 bentuk pinjaman kepada PKEN-PKEN iaitu:-
- (i) Pinjaman Perantaraan (Bridging Finance) dan 'Term Loan' kepada

PKEN-PKEN bagi membiayai pelaksanaan projek-projek perumahan.

- (ii) Pinjaman Akhiran (End-Finance) kepada pembeli-pembeli bagi membeli rumah-rumah yang dibina oleh PKEN-PKEN. Bagaimanapun kelulusan pinjaman ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan (Credit Starting) pembeli-pembeli.

### MAN HANDLING TERHADAP Y.B.YEW FOO MENG DI LOME (TOGO)

**34. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah menyiasat ke dalam aduan yang dibuat mengenai 'Man Handling' dan layanan memalukan yang dialami oleh seorang anggota delegasi Malaysia ke persidangan Kesatuan Antara Parlimen yang diadakan di Lome (Togo), dan jika benar, apakah langkah-langkah Kerajaan telah diambil untuk memprotes kepada Kerajaan Togo terhadap kelakuan seumpama itu, dan sekiranya aduan tersebut tidak berkesan, apakah tindakan Kerajaan terhadap sipengadu berkenaan, yakni Ahli Parlimen Menglembu, Yang Berhormat Yew Foo Meng, kerana mencemar imej dan reputasi antarabangsa Malaysia.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Pada pengetahuan saya, Kementerian Luar Negeri tidak menerima apa-apa aduan mengenai kejadian yang dikatakan berlaku di Lome (Togo), kepada Ahli Parlimen Menglembu, Y.B. Yew Foo Meng, apabila beliau menghadiri persidangan Kesatuan Antara Parlimen di sana. Setahu saya, Sekretariat Kesatuan Antara Parlimen di Kuala Lumpur juga tidak menerima apa-apa aduan.

### PEMASTAUTIN TETAP CINA

**35. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai pemastautin tetap Cina yang tidak bernegeri di Malaysia yang telah menggunakan peluang Perjanjian Peking (Peking Communique) yang dimeterai antara Malaysia dan Cina pada Mei 31, 1974

oleh Tun Razak dan Chow En Lai untuk diiktirafkan sebagai warganegara Republik Rakyat Cina, dan nyatakan jumlah bilangan orang-orang Malaysia yang mungkin boleh menggunakan peluang Perjanjian Peking itu untuk diiktirafkan sebagai warganegara Republik Rakyat Cina.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri, tidak ada.

### PEMANDU KENDERAAN — PERTOLONGAN KECEMASAN

**36. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak Kementerian ingin menetapkan bahawa setiap pemandu bas dan kenderaan-kenderaan awam seharusnya mempunyai sijil pertolongan kecemasan bagi membolehkan mereka memberi pertolongan kecemasan kepada penumpang-penumpang sewaktu kecemasan.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Cadangan bagi tiap-tiap pemandu kenderaan perkhidmatan awam supaya mempunyai sijil pertolongan kecemasan adalah molek dan boleh dikaji oleh Kementerian saya bersama dengan Kementerian Kesihatan yang merupakan agensi bersesuaian untuk memberi pelajaran dan latihan mengenai pertolongan kecemasan serta mengeluarkan sijil-sijil berkenaan.

Dalam hubungan ini sukalah saya memaklumkan bahawa Ordinan Lalulintas Jalan 1958 juga mempunyai peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang subsidiarinya bahawa kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam yang mempunyai tempat duduk melebihi 7 penumpang dikehendaki mengadakan di dalam kenderaan-kenderaan tersebut kotak mengandungi alat-alat pertolongan cemas yang teratur dan boleh digunakan. Jabatan Pengangkutan Jalan dalam ceramah-ceramah atau temuduga-temuduga yang dijalankan dari masa ke semasa sebelum pemandu-pemandu dan konduktor-konduktor diberi lesen-lesen vokesyenal memasukkan juga elemen keperluan undang-undang mengenai penggunaan alat-alat pertolongan kecemasan ini.

### PROJEK MEWAH

**37. Tuan Khadri bin Sabran** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan supaya Kerajaan tidak lagi melaksanakan projek-projek yang bercorak terlalu mewah di dalam negara ini sesuai dengan hasrat yang disuarakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia baru-bam ini.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Seperti yang telah saya beritahu Dewan Rakyat pada 17hb. Julai, 1985, sehingga masa ini Kerajaan tidak mempunyai definisi teknikal bagi projek mewah dan projek keperluan. Di samping itu Dewan Rakyat juga telah dimaklumkan bahawa semua projek-projek pembangunan yang telah dikenalpasti dan diluluskan oleh Parlimen bagi masa yang lepas adalah projek-projek yang amat perlu dan penting bagi pembangunan masyarakat dan negara.

### SKANDAL PINJAMAN BMF — PINDAAN UNDANG-UNDANG

**38. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia meminda undang-undang negara yang sedia ada untuk membawa kemuka pengadilan orang-orang yang terlibat dalam skandal pinjaman dollar 2.5 billion Bumiputra Malaysia Finance seperti yang disarankan oleh bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn, jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak mengapa.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Kerajaan memang bersedia meminda mana-mana undang-undang sekiranya tindakan sedemikian adalah perlu demi kepentingan negara dan boleh dilakukan tanpa mengenyepikan keadilan dan kebebasan rakyat jelata. Bagaimanapun, berhubung dengan pemberian pinjaman-pinjaman oleh Bumiputra Malaysia Finance Ltd., sebarang tindakan bagi meminda undang-undang berkenaan akan menjadi, dengan izin 'an exercise in futility'. Ini adalah oleh kerana Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan melarangkan apa-apa undang-undang jenayah dibuat secara kebelakangan.

Selain daripada itu, walaupun nampaknya mereka yang terlibat dalam pemberian pinjaman-pinjaman itu telah melakukan suatu kesalahan pecah amanah jenayah, keterangan yang terdapat di Malaysia tidak mencukupi untuk mematuatkan pendakwaan dijalankan. Ini adalah begitu halnya disebabkan peramanahan (entrustment) dan penggelapan (embezzlement) itu adalah perbuatan yang dilakukan di Hongkong. Oleh yang demikian, perlulah kita mendapatkan saksi-saksi dari Hongkong untuk memberi keterangan di Malaysia dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berhubungan dengan transaksi itu yang kini terdapat di Hongkong supaya dikemukakan di Malaysia. Kita tidak ada cara (means) untuk memaksa saksi-saksi ini supaya memberi kenyataan dan memberi keterangan dalam mahkamah di sini atau mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan itu. Tiada apa-apa undang-undang boleh dibuat untuk memaksa saksi-saksi di luar bidang kuasa Malaysia supaya hadir dalam mahkamah di Malaysia dan mengenakan hukuman tertentu ke atas mereka kiranya mereka itu enggan berbuat demikian.

Memandangkan kepada sebab-sebab tersebut, kita tidak dapat mendakwa di Malaysia mereka yang terlibat dalam pemberian pinjaman-pinjaman berkenaan tanpa kebenaran sewajarnya.

## **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

### **HUKUMAN MATI KE ATAS SIM KEE CHONG**

4.05 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk memohon kebenaran menagguhkan Majlis Mesyuarat dan usul saya yang berbunyi:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 18, Dewan ini mengizinkan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit

Siang untuk menagguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk berunding satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, yakni pelaksanaan tidak lama lagi hukuman mati ke atas Sim Kee Chong berumur 28 tahun kerana ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan berasaskan kepada alasan-alasan berikut:

(1) Sim Kee Chong telah disabit dan dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 18hb Jun, 1983 kerana memiliki secara haram Revolver Jenis .38 Special Smith dan Weston, serta 5 butir peluru jenis .38 Special. Rayuan Sim ke Mahkamah Persekutuan telah ditolak pada 28hb Oktober, 1983. Sim sepatutnya digantung pada 3hb Julai, 1985, akan tetapi sehari sebelum itu, iaitu pada 2hb Julai, 1985 beliau berjaya mendapatkan satu perintah menagguhkan pelaksanaan hukuman itu daripada Yang Arif Hakim Harun Hashim sementara menunggu keputusan mengenai samannya terhadap Lembaga Pengampunan Berkuasa Penjara Pudu dan Kerajaan. Pada 16hb Julai, 1985 Kerajaan telah berjaya dalam permohonannya untuk mengeneipkan writ samannya serta membatalkan perintah menagguhkan pelaksanaan hukuman itu. Mahkamah Agong telah mendengar rayuan Sim di Ipoh pada hari Isnin, bersamaan 22hb Julai, 1985 dan telah menolak rayuan tersebut pada hari kemudiannya di mana Hakim Besar Yang Arif Tan Sri Abdul Hamid telah berkata bahawa kuasa Lembaga Pengampunan ialah, dengan izin, prerogative of mercy which is not subject to review by the Court. Akibat ini tanpa perintah menagguhkan pelaksanaan hukuman itu Sim boleh digantung pada bila-bila masa sahaja.

(2) Sim telah dihukum mati kerana peruntukan hukuman mati wajib yang terdapat di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri di bawah mana beliau

didakwa pada hal beliau tidak sepatutnya menghadapi hukuman mati kerana kesalahan yang dilakukannya, terutama sekali memandangkan tiada bukti dalam mahkamah yang menunjukkan Sim terlibat dalam apa-apa kegiatan subversif atau keganasan terancam, kebengisan malah kekejaman Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan peruntukan hukuman mati secara wajib yang menafikan para Hakim kuasa budibicara untuk mengenakan hukuman hendaklah dilunak sekiranya keyakinan orang ramai dalam keadilan sistem undang-undang tidak terlemah.

- (3) Ketidakadilan dalam penggantungan Sim akan menjadi ketara apabila orang ramai menimbang kes bekas Menteri Kabinet, Mokhtar Hashim yang disabit dan dihukum mati kerana menggunakan senjata api serta membunuh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Sembilan yang mana hukuman matinya telah dikurangkan kepada hukuman seumur hidup dan kesalahan Mokhtar Hashim adalah lebih serius.
- (4) Sungguhpun mahkamah tidak boleh mengulang kaji keputusan-keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengampunan, namun adalah menjadi tanggungjawab Parlimen untuk berselaras dengan pendapat dan aspirasi awam dan hendaklah mengiktirafkan dengan serta-merta akan rasa marah orang ramai terhadap ketidakadilan yang berlaku dalam kes Sim Kee Chong berbanding dengan kes Mokhtar Hashim yang bukan sahaja akan melemahkan dengan seriusnya keyakinan orang ramai dalam kewibawaan sistem undang-undang, impartiality Lembaga Pengampunan, tetapi juga erti dan nilai jaminan Perlembagaan seperti tercatat dalam Perkara 8 Perlembagaan Malaysia yang mengisytiharkan bahawa semua orang adalah sama disisi undang-undang dan berhak menerima perlindungan yang sama daripada undang-undang.

Sebab kelima, bahawa disebabkan Parlimen adalah forum yang terakhir sekali di mana rasa pandang berat orang ramai boleh dilahirkan untuk memastikan keyakinan orang ramai dalam kewibawaan sistem undang-undang, impartiality Lembaga Pengampunan dan erti sebenar Perkara 8 Perlembagaan tidak terjejas dengan seriusnya, maka Parlimen hendaklah menyediakan peluang serta-merta untuk memperlihatkan rasa pandang berat orang ramai serta menyertai rayuan-rayuan awam yang dibuat kepada Lembaga Pengampunan untuk mengurangkan hukuman mati Sim kepada hukuman seumur hidup bukan sahaja berasaskan kepada pertimbangan di atas tetapi juga dari segi peri kemanusiaan, dan

Keenam, yang akhirnya untuk memastikan keyakinan berterusan orang ramai dalam sistem undang-undang dan keadilan kita Parlimen hendaklah menimbangkan sama ada harus diadakan pindaan-pindaan Perlembagaan untuk mencegah diskriminasi kelas daripada berlaku dalam pelaksanaan prerogative belas kasihan oleh Lembaga Pengampunan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja mendengar teks Usul yang dibacakan oleh Ahli "Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan hari ini dengan tujuan hendak membincangkan suatu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Saya telah menerima Pemberitahu Usul itu pagi tadi. Seperti yang diperuntukkan di dalam Peraturan Mesyuarat 18(2) Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu kecuali jika beliau puas hati bahawa perkara yang dibangkit itu menepati tiga syarat, iaitu satu, perkara itu perkara tertentu, kedua, ia berkaitan dengan kepentingan orang ramai, dan ketiga, ia mustahak disegerakan.

Setelah meneliti Pemberitahu Usul Ahli Yang Berhormat itu saya mendapati iaitu perkara satu, perkara tertentu. Pada fikiran saya perkara ini bukanlah boleh dikatakan satu perkara yang tertentu atau definite kerana seperti

yang disebut di dalam Usul itu tujuannya Parlimen hendaklah menimbang sama ada harus diadakan pindaan-pindaan Perlembagaan untuknya. Ini pada fikiran saya bukanlah satu perkara yang definite.

Dari segi kepentingan orang ramai, saya boleh menerima bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai. Dan yang ketiga, perkara yang mustahak disegerakan. Perkara pengampunan adalah hak keistimewaan prerogative Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah menyentuh soal Perlembagaan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan dan lagi perkara ini juga adalah menyentuh kuasa-kuasa mahkamah yang juga telah ditentukan di dalam Perlembagaan. Oleh sebab perkara-perkara ini adalah sulit dan tidak dapat diselesaikan di dalam masa yang singkat, maka yang demikian saya fikir tidak dapat disegerakan. Oleh itu, saya menolak Usul Yang Berhormat itu.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang. (25hb Julai, 1985)

4,15 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya berhenti apabila saya memberi tafsiran mengenai gaji akhir dan tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira hendaklah diubahsuai. Bagi menampung kos pencen seseorang pegawai semasa berkhidmat dengan pihak swasta berkenaan di mana tempoh itu akan diambil kira, syarikat berkenaan adalah dikehendaki mencarum sebanyak 17 1/2% daripada gajinya kepada Kerajaan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang serupa kepada seksyen 13 dan seksyen-seksyen yang berkaitan Akta Pencen (Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) 1980 telahpun dibentang dan diluluskan oleh Parlimen dalam persidangannya yang berlangsung pada bulan April yang lalu. Kali ini pindaan adalah dicadangkan kepada seksyen 12A Akta Pencen, 1980 yang khusus bagi Perkhidmatan Awam. Saya suka mengulangi bahawa pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 12A ini ialah bagi memperluaskan pemakaiannya kepada sebarang organisasi tidak kira sama ada Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung ataupun tidak langsung.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan ialah bagi membolehkan seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan tetapi belum diberi taraf berpencen layak menerima faedah pencen sekurang-kurangnya 1/5 daripada gaji akhir yang diterima apabila disarakan atas sebab penswastaan.

Bagi tujuan perkiraan faedah persaraan, tempoh perkhidmatan yang akan diambil kira hendaklah termasuk tempoh perkhidmatan di syarikat swasta semasa pegawai berkenaan menerima gaji dan terma serta syarat-syarat Perkhidmatan Awam manakala gaji akhir yang dipakai hendaklah berdasarkan gaji akhir yang diterima sebelum ditawarkan tanggagaji swasta. Faedah persaraan yang dilayakki itu akan dibekukan bayarannya sehingga seseorang pegawai tetap yang disarakan atas sebab penswastaan mencapai umur 45 tahun bagi pegawai wanita dan 50 tahun bagi pegawai laki-laki. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana perkhidmatannya ditamatkan atas sebab kesihatan ataupun atas sebab pengurangan perbelanjaan oleh syarikat swasta dalam keadaan yang tertentu faedah persaraannya adalah dicadang dibayar sungguhpun pegawai berkenaan belum meningkat umur persaraan pilihan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Patmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen, 1980 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal hingga 7 diperintahkan jadisebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### JAWATANKUASA PILIHAN PARLIMEN — DASAR EKONOMI BARU

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka.

4.24 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini memutuskan bahawa dalam membuat persediaan bagi Rancangan Malaysia Kelima 1986 — 1990, Dewan ini menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menyiasat ke dalam ketidakadilan dan ketidakaksamaan Dasar Ekonomi Baru yang telah gagal matlamat serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan kerja, atau lokasi serta juga matlamat menyeluruh untuk mencapai perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Dasar Ekonomi Baru diisytiharkan dalam tahun 1970, dasar tersebut telah diumumkan sebagai mempunyai matlamat serampang dua mata untuk membasmi kepada kemiskinan tanpa mengira kaum serta untuk menyusun semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan kerja atau lokasi tetapi lebih penting lagi daripada kedua-dua matlamat Dasar Ekonomi Baru ini ialah matlamat keseluruhannya untuk mencapai perpaduan negara yang mengelak Malaysia sejak Merdeka tahun 1957.

Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai batasan masa 20 tahun dari 1970 kepada 1990 telah gagal menjadi alat utama bagi menyatukan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum, bahasa, budaya dan agama supaya menjadi rakyat Malaysia yang satu, yang mempunyai identiti kesedaran dengan izin, sense of purpose yang semua bersama walaupun dasar tersebut telah berjalan selama hampir 15 tahun.

Ini jelas dibuktikan dengan pengakuan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, khasnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan Julai tahun lalu di mana beliau telah berkata bahawa polarisasi kaum di Malaysia telah menjadi begitu serius sehingga ia menjejaskan murid-murid sekolah.

Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja telah gagal mencapai perpaduan negara tetapi ia juga telah menjadi punca perpecahan yang paling dahsyat sekali di negara ini yang mencipta rasa perenggangan dan permusuhan. Tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang membantah kedua-dua matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan kerja atau lokasi, boleh dikatakan tanpa sebarang kontradiksi bahawa selepas 15 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Ekonomi Baru telah gagal dalam kedua-dua matlamatnya itu. Kemiskinan tulen sama ada di kalangan orang-orang Semenanjung, Sabah atau Sarawak masih menjadi satu masalah yang sukar diatasi dengan jurang antara orang-orang kaya dan orang-orang miskin menjadi makin luas di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun Kerajaan Barisan Nasional telah mengheboh-hebohkan tentang betapa seriusnya masalah kemiskinan orang-orang Melayu, masalah jurang antara orang-orang Melayu miskin dan sekelas kecil orang-orang Melayu kaya akibat Dasar Ekonomi Baru yang dapat mengumpul begitu banyak harta dan kekayaan bernilai beratus-ratus juta ringgit dalam tempoh beberapa tahun sahaja telah menjadi lebih rumit di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Mengikut angka pemerintah sendiri kira-kira 30.3% rakyat hidup di bawah garis kemiskinan dalam tahun 1983. Kadar kemiskinan di kawasan-kawasan desa sebenarnya bertambah dari 37.4% pada tahun 1980 kepada 41.6% pada tahun 1984. Di kawasan bandar sebaliknya sungguhpun kadar kemiskinan menurun 1.5% sahaja iaitu dari 12.6% pada tahun 1980 kepada 11.1% pada tahun 1983, masalah ini kita boleh lihat ialah satu masalah begitu serius sama ada daripada segi kemiskinan relatif atau kemiskinan absolute.

Antara golongan yang paling miskin ialah penoreh getah, pekebun kecil kelapa dan kelapa sawit, pesawah padi, nelayan, pekerja ladang, orang Asli, penghuni kampung-kampung baru dan mereka yang berpendapatan rendah di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat kedua untuk menyusun semula masyarakat Malaysia telah dilaksanakan dengan cara amat diskriminasi dan selektif sehingga ia mencipta perpecahan dan ketidakharmonian dan bukannya sahaja perpaduan negara.

Apabila DEB dilancarkan dalam tahun 1970, Perdana Menteri demi Perdana Menteri — Perdana Menteri demi Perdana Menteri — telah berikrar bahawa dalam pelaksanaan DEB. Kerajaan akan memastikan tiada mana-mana golongan tertentu yang akan mengalami kerugian atau merasa dinafikan sesuatu, akan tetapi ikrar dan prinsip cardinal DEB ini nampaknya tidak dihiraukan begitu seringkali dalam pelaksanaannya sehingga seseorang berhak bertanya-tanya sama ada untuk tidak menghiraukannya telah menjadi satu keputusan dasar.

Kes Stesyen Minyak Petrol Boon Brothers di Sitiawan, Perak adalah satu contoh yang paling baik berhubung dengan ketidakadilan dan ketidakaksamaan yang diwujudkan oleh DEB. Boon Brothers telah menjalankan perniagaan stesyen minyak selama 60 tahun tetapi selepas tamatnya pajakan atau lease stesyen minyak itu, Kerajaan Negeri Perak enggan membaharui pajakan tersebut untuk membolehkan Boon Brothers meneruskan perniagaan tradisi stesyen minyak petrol yang telah dikendalikan sekian lama itu. Tidak ada seorang pun akan merungut sekiranya Kerajaan Negeri Perak berkehendakkan tanah tersebut untuk tujuan awam tetapi apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Perak ialah untuk memberi pajakan tersebut kepada sebuah syarikat bumiputera Manjong Development Sdn. Bhd. yang mempunyai modal berbayar sebanyak \$4 sahaja untuk menjalankan perniagaan stesyen minyak petrol yang sama. Sekiranya ini bukan kes DEB yang menyebabkan kerugian atau menafikan rakyat Malaysia hak-hak dan cara hidup

tradisional mereka, maka saya tidak tahu apakah itu hak-hak mereka. Kerajaan Negeri Perak haruslah memanggil Syarikat Manjong Development Sdn. Bhd. dan meminta Pengarah-pengarah Syarikat tersebut bersetuju menyerahkan balik pajakan tersebut kepada Kerajaan supaya pajakan tersebut boleh diperbaharui untuk membolehkan Boon Brothers meneruskan dengan perniagaan stesyen minyak petrolnya, sementara Kerajaan Perak boleh mengurniakan sebidang tanah lain di Sitiawan kepada Syarikat Manjong Development Sdn. Bhd. Dengan cara ini hak dan kepentingan semua pihak di bawah DEB dapat dipelihara.

Ketidakadilan dan ketidaksaksamaan DEB tidaklah terhadap kepada kes Boon Brothers sahaja tetapi meliputi dalam semua bidang hidup dalam negara kita. Pihak Barisan Nasional haruslah menyedari bahawa sekiranya proses penyusunan semula dihadkan kepada sektor-sektor, golongan-golongan tertentu sahaja atau membabitkan kaum-kaum tertentu sahaja, maka ia akan bertentangan dengan matlamat keseluruhan DEB untuk mewujudkan perpaduan negara kerana ia akan mencipta ketidakadilan-ketidakadilan dan ketidaksaksamaan-ketidaksaksamaan yang baru.

Perkhidmatan awam seperti yang diakui pada akhirnya oleh Presiden MIC merangkap Menteri Kerjaraya adalah satu bidang signifikan yang sudah pun dipolarisasikan oleh dasar-dasar yang bersifat diskriminotori berhubung dengan peluang-peluang pengambilan dan kenaikan pangkat bagi kakitangan-kakitangan awam bukan Melayu. Sungguhpun Menteri-menteri UMNO telah menafikan wujudnya diskriminasi dalam peluang-peluang pengambilan dan kenaikan pangkat bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan bukan Melayu hanya pemansuhan dasar-dasar bersifat diskriminotori seumpama itu boleh membantu mencapai perpaduan negara. Umpamanya, sejak dua dekad yang lalu tidak seorang bukan Melayu dilantik ke jawatan Naib Canselor mana-mana daripada ketujuh-ketujuh universiti yang terdapat di negara ini. Apakah ini disebabkan kerana tidak ada seorang bukan Melayu pun yang layak memegang jawatan-jawatan Naib Canselor di universiti-universti tempatan di Malaysia?

Selanjutnya pegawai Kerajaan yang paling kanan sekali telah di'by-pass' baru-baru ini bagi jawatan Ketua Setiausaha Negeri (KSU) kerana beliau adalah seorang bukan Melayu, sungguhpun beliau tidak kalah kepada sesiapa pun dari segi pengalaman, kebolehan dan kekananan. Bukankah dasar ini dalam perkhidmatan awam bersifat diskriminotori yang menjejaskan secara tidak adil peluang-peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai awam bukan Melayu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan, Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu mengatakan Pegawai Ketua Setiausaha Negeri, adakah itu tepat ataupun yang disebutkan itu betul atau tidak. bolehkah Yang Berhormat itu menjelaskan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh Ahli Yang Berhormat menjelaskan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri patut lebih tahu dan faham mengenai perkara ini. Baiklah, SUK.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa itu SUK, Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Setiausaha Kerajaan Negeri atau Chief Secretary.

**Timbalan Yang di-Pertua:** State Secretary,

**Tuan Lim Kit Siang:** Chief Secretary.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Chief Secretary, KSN.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya di sini ada catitan, Setiausaha Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukan, Ketua Setiausaha Kerajaan, Ketua Setiausaha Negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ketua Setiausaha Negara. Oh, Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu betulkan itu istilahlah. Tidak menafikan

mengenai fakta. Baiklah, terima kasih. Ini menunjukkan bahawa apa yang saya cakap adalah benar, tidak mahu membetulkan fakta-fakta tetapi oleh kerana nama jawatan ada sedikit silap. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi itu menunjukkan apa yang saya kata adalah benar, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat, penjelasan atau minta jalan?

**Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Diizinkan.

**Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ketua Pembangkang dalam ucapannya tadi menyebutkan Ketua Setiausaha Negeri, saya dengar. Yang sebenarnya dalam, kalau tak silap saya tak ada jawalan Ketua Setiausaha Negeri, apa yang ada Ketua Setiausaha Negara. Itu sebab Timbalan Menteri minta penjelasan daripada ucapan Ahli Yang Berhormat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa sudahpun dibetulkan, sila teruskan Ahii Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mungkin Ahli Yang Berhormat tidur tadi, tak dengar. Lebih baik mahu dengar, dengar jangan tidur.

**Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:** Kalau saya tidur, saya tak soal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat sila duduk. Adakah Yang Berhormat minta jalan lagi?

**Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:** Tidak, sebab dia kata saya tidur. Saya tidak tidur. Kalau saya tidur, saya tidak soal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya cakap tidur oleh kerana perkara baru dibetulkan dia tak tahu, dia hendak bangkit menunjukkan dia tidur. Kalau mahu tidur balik rumah.

Tuan Yang di-Pertua, juga terdapat bidang lain di mana ketidakadilan-ketidakadilan dan ketidaksaksamaan-ketidaksamaan mengotori proses pembangunan negara. Misalnya, dalam dominasi, hampir seluruh rancangan-rancangan FELDA oleh satu kaum. Peruntukan tempat-tempat universiti dan biasiswa, perlesenan dan pemberian permit, peruntukan-peruntukan rumah kos rendah dan sebagainya, selagi ketidakadilan-ketidakadilan dan ketidaksaksamaan Dasar Ekonomi Baru dibenarkan berleluasa tanpa disekat maka matlamat keseluruhan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai perpaduan negara bukan sahaja akan gagal tetapi Dasar Ekonpmi Baru akan menjadi alat utama ke arah ketidak-perpaduan negara. Ini sebabnya mengapa saya bercadang supaya sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen ditubuhkan sebagai persediaan bagi Rancangan Malaysia Kelima tahun 1986-1990 untuk menyiasat ke dalam ketidakadilan-ketidakadilan dan ketidaksaksamaan-ketidaksaksamaan Dasar Ekonomi Baru yang telah menggagalkan matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, minta penjelasan atau membangkitkan Peraturan Mesyuarat,

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Diizinkan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Ketua Pembangkang itu memahami apa itu Dasar Ekonomi Baru? Kerana Dasar Ekonomi Baru ini dilahirkan selepas Peristiwa 13 Mei yang mana Peristiwa 13 Mei itu telah dicituskan oleh orang-orang seperti Ketua Pembangkang. Itu yang bermula. Dengan sebab itulah kita ada Dasar Ekonomi Baru. Jadi Ketua Pembangkang mesti memahami apakah itu matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerana kaum pribumi telah ditekan oleh penjajah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh.....

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Jadi dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** .....menghuraikan apa sahaja mengenai penjelasan sekiranya Yang Berhormat hendak berucap selepas ini boleh bangun, saya beri peluang berucap.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya di sini seolah-olah Ketua Pembangkang itu iri hati terhadap perkembangan Dasar Ekonomi Baru untuk menolong kaum pribumi kaum Melayu untuk naik yang mana pada satu ketika masa penjajah, orang Melayu ditekan. Orang Cina semua yang kaya-kaya. Bahkan di Kuala Lumpur sekarang pun siapa yang paling kaya, orang pribumi, atau orang Cina? Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tahu apa penjelasan itu, tetapi saya rasa sangat kesal bahawa seorang Ahli Yang Berhormat yang begitu tidak bertanggungjawab melahirkan, meluahkan kata-kata tadi mengenai siapa yang bertanggungjawab Peristiwa 13 Mei. Saya sebenarnya tidak mahu bincang perkara itu bukan oleh kerana kita takut satu perbincangan. Sebenarnya siapa yang mencetuskan Peristiwa 13 Mei, siapa?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta jalan atau penjelasan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Selepas saya jelas atas penjelasannya beliau boleh minta penjelasan lagi.

Dalam tahun 1969, kali yang pertama Parti saya mengambil bahagian dalam Pilihanraya besar, kita menang. Kita menang 13 kerusi Parlimen. Kita menang 9 atau 10 kerusi dalam Negeri Selangor. Adakah pihak yang menang mahu mencetuskan kacau-bilau? Dalam satu

permainan, Tuan Yang di-Pertua, soccer. Apabila ada kekacauan, siapa yang mencetuskannya, pihak yang rasa beliau kalah atau pihak yang rasa dia tidak kalah? Dan itu yang pertama.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** (*Bangun*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis. Saya belum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta penjelasan atau membangkitkan Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Cuma saya hendak menerangkan sedikit kepada .....

**Timbalan Yang di Pertua:** Yang Berhormat belum bagi izinkan lagi. Sila duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** .....yang pertama. Yang kedua, jangan tukar sejarah. Dan kita di pihak sini berani mengadakan satu siasatan yang sebenarnya dalam Peristiwa 13 Mei. Dalam Dewan yang mulia ini dalam tahun 1971, kita ada kemukakan saranan. Baiklah ada Suruhanjaya di-Raja untuk siasat siapa yang sebenarnya bertanggungjawab mencetuskan Peristiwa 13 Mei. Kalau sebenarnya pemimpin-pemimpin DAP yang bertanggungjawab untuk mencetuskan Peristiwa 13 Mei, kita rela didakwa di Mahkamah, kita rela apabila ada ISA, boleh hukum mati, sabit hukuman mati. Kita tidak takut tetapi jangan menggunakan peristiwa itu yang begitu malang, begitu tragik dalam negara kita dan tanahair yang kita cinta sebagai satu alat politik ugut sesiapa yang mahu melahirkan aspirasi, melahirkan perasaan ketidakseimbangan yang patut dibetulkan melalui proses demokrasi.

Apa Yang Berhormat buat tadi ialah tidak periksa daripada apa yang selalu dilakukan oleh sangat tidak bertanggungjawab yang selalu mahu memainkan, mengugut rakyat 'Peristiwa 13 Mei, dan saya mahu tanya kepada mereka yang selalu mahu mengeluarkan ugutan Peristiwa 13» Mei, adakah mereka yang mahu mencetuskan Peristiwa 13 Mei. Kalau mereka tidak mahu mencetuskan Peristiwa 13 Mei, kenapa selalu memainkan lagu ini.

Dan saya rasa mereka yang selalu melahirkan Peristiwa 13 Mei oleh kerana rakyat ada perasaan tidak puashati yang mahu dibetulkan, yang Kerajaan faham dan tahu mereka yang sebenarnya anti-nasional, sebenarnya anasir-anasir yang akan merosakkan perpaduan masa depan ketidakharmonian negara ini yang mereka yang lebih berbahaya....

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Minta Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis penjelasan satu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak diizinkan. Sila duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu habis penjelasan kepada penjelasan satu dahulu, dan saya harap dalam Dewan yang mulia ini nanti apabila kita bahaskan Dasar Ekonomi Baru, saya ada cuba dengan rasional, kemukakan fakta-fakta tanpa emosi, hysteria. Tadi kita dengar, lihat hysteria, hysteria. Orang yang ada hysteria itu patut pergi Tanjung Rambutan (*Ketawa*).

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ketua Pembangkanglah patut pergi Tanjung Rambutan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak ada hysteria.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ah tidak ada hysteria. Sikap angkuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak ada hysteria. Ada hysteria patut pergi.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Soal angkuh tadi ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tatatertib pun tidak hormat. Tatatertib pun tidak hormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sesiapa pun tidak boleh bangun berucap kecuali dengan saya memanggilnya. Dan Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita bermesyuarat dalam Majlis sekarang, bukan dalam Jawatankuasa. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh teruskan ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita dalam perbahasan ini iaitu Dasar Ekonomi Baru, kita tahu matlamat, tujuan Dasar Ekonomi Baru. Pada ucapan awal saya, saya pun sudah sebutkan: pertama, membasmi kemiskinan tidak kira kaum, kedua, menyusun semula masyarakat untuk membasmi identifikasi kaum dengan pekerjaan vocation atau location. Dan lebih besar matlamatnya ialah untuk mencapai perpaduan negara — rakyat tetapi tujuan saya kemukakan usul ini ialah untuk cuba mengingatkan Dewan yang mulia ini sebagai Parlimen, Kerajaan bahawa dalam perjalanan 15 tahun Dasar Ekonomi Baru ada wujud ketidakadilan dan ketidaksaksamaan yang baharu.

Kita bersetuju dengan dua-dua matlamat itu tetapi kita patut juga faham dan tahu bahawa dalam proses untuk menghapuskan ketidakadilan dan ketidaksaksamaan yang lama (historic), kita juga seharusnya mengelakkan, menciptakan ketidaksaksamaan dan ketidakadilan yang baharu oleh kerana generasi ini, generasi-generasi yang akan datang, mereka juga ada hak untuk menuntut, untuk menikmati kesaksamaan dalam negara kita. Ada orang kata bahawa generasi ini, generasi bukan Melayu ataupun apa-apa patut membayar kos original sin oleh kerana menunjukkan sistem ketidakadilan dan sistem ketidaksaksamaan. Kalau ada falsafah dan fikiran ini patut, adakah ini wajar? Bukankah masanya sudah sampai kalau tujuan kita ialah untuk memupuk kesedaran nasional, kesedaran identiti kefahaman Malaysian, cari

jalan di mana kita boleh menyatupadukan semua rakyat, semua kaum dan semua keturunan. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, burden, tugas, tujuan hujah-hujah dan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju itu lain hal. Saya harap kita janganlah beremosi, beremosi semacam kila lihat tadi. Kalau begitu Parlimen tidak berhak untuk berbincang masalah-masalah rakyat, masalah-masalah negara. Apa yang saya kemukakan tadi, secara minima pun saya boleh masukkan dengan dalam tetapi secara minima supaya dapat satu rangka, satu frame work ada masalah, Dasar Ekonomi Baru selepas 15 tahun ada menimbulkan masalah di mana over riding objective untuk mencapai perpaduan negara ada terjejas. Kita perlu lihat ini tanpa emosi. Kalau Parlimen bukan tempat yang kita boleh buat begitu mana dalam negara kita, kita boleh buat begitu? Kita sudah cuai dan lalai. Kalau Parlimen tidak berani buat begitu tanpa beremosi dan hysterical saya rasa ini satu tanda bahawa masa depan kita dan tujuan kita untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum, agama, kebudayaan tidak begitu cerah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi sebelum saya diganggu, saya ada berkata" bahawa oleh kerana adalah menimbulkan ketidakadilan dan ketidaksaksamaan yang baharu, kita perlu ada satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen ditubuhkan sebagai persediaan bagi Rancangan Malaysia Kelima untuk menyiasat ketidakadilan-ketidakadilan dan ketidaksaksamaan-ketidaksaksamaan Dasar Ekonomi Baru yang telah gagal — menggagalkan matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru. Untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan kerja atau lokasi serta matlamat menyeluruh untuk mencapai perpaduan negara. Pada hari Jumaat dua minggu lalu ketika berucap kepada wartawan-wartawan asing yang berada di Ibukota untuk meliputi Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata, bahawa Kerajaan tidak akan melanjutkan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990, tetapi Kerajaan akan terus berusaha mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Sebarang perubahan dalam norma dasar tanpa perubahan-perubahan besar dalam arahan-arahan dasar

akan bermakna tiada apa-apa perubahan besar atau sebenar sama sekali. Apa juga tujuan Kerajaan selepas tahun 1990 negara kini menghadapi ketidakadilan-ketidakadilan baharu yang diwujudkan oleh Dasar Ekonomi Baru sejak 15 tahun kebelakangan ini semenjak pelaksanaannya yang harus diidentifikasikan dan diperbetulkan agar matlamat menyeluruh perpaduan negara dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri, oleh kerana gangguan tadi saya rasa perlu saya menitikberatkan supaya nanti tidak ada saya harap orang yang cuba memutar-belitkan apa yang saya dan rakan-rakan saya kemukakan atas pendirian kita. Yang pertama ialah kita bersetuju bukan sahaja kita menyokong sepenuhnya tujuan-tujuan yang diisytiharkan dalam Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi-kemiskinan, untuk menyusun semula masyarakat Malaysia.

Apa yang kita kemukakan hari ini ialah mengenai penyelewengan Dasar Ekonomi Baru dalam dua-dua tujuan ini khasnya penyelewengan daripada matlamat over riding ialah untuk mencapai perpaduan negara. Kalau mengenai perkara-perkara yang saya ada kemukakan ada pandangan-pandangan yang berbeza saya akan hormati tetapi janganlah sesiapa berdiri kata bahawa DAP tentang, DAP mahu hancur, DAP tidak bersetuju dengan tujuan mahu membasmi kemiskinan. tujuan mahu menyusun masyarakat Malaysia oleh kerana semuanya fitnah dan orang yang rela buat bohong yang begitu besar saya rasalah mereka tidak bermaruah, mereka tidak bertanggungjawab, mereka tidak berjiwa rakyat, jiwa kebangsaan, jiwa maruah sendiri.

Di sini saya kemukakan cadangan dan akan disokong oleh saudara saya Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.00 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Wakil dari Kota Melaka dan

di samping ini suka saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan menerangkan apa sebab saya menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang, Ahli dari Kota Melaka yang menggesa Dewan yang mulia ini supaya meluluskan bahawa dalam membuat persediaan untuk Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), Parlimen hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen bagi menjalankan siasatan ke atas pelbagai ketidakadilan dan ketidaksaksamaan Dasar Ekonomi Baru yang telah gagal untuk mencapai objektifnya untuk mewujudkan perpaduan nasional menerusi mattamat serampang dua mata bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Empatbelas tahun sudah berlalu sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Menurut Kerajaan, Dasar Ekonomi Baru ialah asas ekonomi untuk masyarakat Malaysia dan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru akan menyediakan satu asas yang kukuh dan kuat bagi perpaduan nasional. Menentukan objektif Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat yang mana matlamat akhir ialah membina perpaduan nasional, adalah sangat penting bahawa Parlimen dibenar membahaskan Dasar Ekonomi Baru dan memastikan sejauh mana ianya telah dilaksanakan untuk mencapai 6objektifnya.

Perbahasan ke atas Usul ini adalah sangat perlu dan bersesuaian memandangkan kenyataan dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada beberapa hari yang lalu bahawa Kerajaan tidak akan melanjutkan Dasar Ekonomi Baru walaupun kelihatan bahawa kadar pertumbuhan tahunan yang dimatlamatkan antara 7% dan 8% tidak akan dicapai apabila berakhirnya tahun 1990.

Menurut Yang Amat Berhormat, walaupun Kerajaan tidak akan melanjutkan Dasar Ekonomi Baru, adalah dipastikan untuk mencapai matlamat dan objektif Dasar Ekonomi Baru itu menerusi cara-cara lain atau menerusi strategi baru yang tertentu dan perkara ini sedang dibahaskan dengan Unit Perancang Ekonomi.

Yang Amat Berhormat pernah dilaporkan berkata, menurut sebuah akhbar tempatan, bahawa Kerajaan hendaklah menyerahkan semula ke Parlimen dan membahaskan isu-isu selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan fikiran terbuka Yang Amat Berhormat ke atas Dasar Ekonomi Baru adalah dipuji kerana kita dalam DAP sentiasa menyuarakan bahawa Dewan Rakyat sebagai badan yang tertinggi di negara ini hendaklah dibenar membahaskan Dasar Ekonomi Baru dengan cara terbuka dan jujur, dengan satu pandangan ke arah mengenalpasti kelemahan-kelemahan dan kecacatan pelaksanaannya.

Inilah sebab kenapa DAP mengemukakan Usul untuk mendapatkan persetujuan Parlimen supaya menubuhkan satu Jawatankuasa PiHhan Parlimen supaya mengkaji sedalam-dalamnya pelbagai kelemahan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang telah mewujudkan ketidakadilan baru dan ketidaksaksamaan dalam masyarakat Malaysia. Apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dalam tahun 1970 bagi membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan kawasan dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan. Seorang demi seorang Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Dasar Ekonomi baru akan dilaksanakan dalam satu cara yang boleh memastikan bahawa tidak ada golongan tertentu yang akan kehilangan sesuatu atau merasai diketepikan atau dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 15 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, ianya telah gagal dalam objektifnya untuk mewujudkan perpaduan nasional sepertimana yang telah dikatakan oleh Wakil dari Kota Melaka dengan cara melaksanakan serampang dua mata iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah mewujudkan ketidakadilan dan ketidaksaksamaan baru sama ada dalam meluaskan jurang di antara kaya dan miskin, terutamanya antara orang Melayu miskin dan orang kaya baru Melayu

yang menerima faedah daripada Dasar Ekonomi Baru kerana hubungannya dengan kepimpinan politik atau melalui cara memalaysiakan semua aspek dan sektor kehidupan di negara ini.

Selepas memerhatikan rekod dan prestasi Kerajaan dalam membasmi kemiskinan selama dekad yang lalu, saya mendapati bahawa rancangan serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru tidak pernah menekankan dalam proses perlaksanaan. Adalah jelas kepada saya dan kepada ramai rakyat Malaysia bahawa penekanan yang besar pernah dilakukan oleh Kerajaan ialah kepada mata kedua Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum menerusi fungsi ekonomi daripada mata pertama yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang lebih serius ialah kecacatan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan melainkan ianya diperbetulkan, akan menambah lagi ketegangan kaum, mewujudkan perbezaan kelas dan melumpuhkan perpaduan negara.

Saya ingin mengulangi seruan bahawa walaupun DAP menyokong Dasar Ekonomi Baru dan objektifnya, kami sesungguhnya tidak bersetuju dengan cara mana perlaksanaan yang telah mewujudkan pengasingan atau menyimpang dari tujuan atau objektif asalnya. Inilah sebabnya kenapa parti DAP merasa bahawa semasa menyediakan Rancangan Malaysia Kelima untuk dilancarkan, Parlimen hendaklah mengambil perhatian yang berat dan melaksanakan satu kajian semula yang menyeluruh ke atas Dasar Ekonomi Baru bagi memastikan bagaimana dan sejauh mana ia telah mencapai objektifnya untuk mewujudkan perpaduan nasional.

Pada saat ini apabila Dasar Ekonomi Baru hanya mempunyai 5 tahun lagi untuk dilaksanakan, satu kajian semula ke atas Dasar Ekonomi Baru ini adalah diperlukan untuk membuat pembetulan antara apa yang dijanjikan dengan apa yang dilaksanakan; ataupun apa

yang diisytiharkan dengan apa yang dilaksanakan. Dasar Ekonomi Baru seperti yang diisytiharkan bertujuan untuk melaksanakan objektif-objektif yang murni tetapi Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan jelas menunjukkan bahawa penyusunan semula masyarakat hanya benar-benar memberi faedah kepada kaum bumiputera kelas menengah dan kaya daripada golongan miskin. Inilah satu sebab kenapa perbezaan pendapatan antara golongan miskin dan kaya iaitu antara golongan berada dan tidak berada semakin meluas dan berada pada saat yang membahayakan.

Satu lagi aspek yang serius ialah pencabulan yang berulang-kali ke atas jaminan dan janji yang disuarakan oleh beberapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Dasar Ekonomi Baru akan dilaksanakan dalam satu cara yang mana tidak seorang pun rakyat Malaysia akan merasa kehilangan sesuatu atau merasa diketepikan atau dinafikan. Terdapat banyak contoh di masa lalu dan sehingga ke hari ini yang menyokong dakwaan DAP ini.

Di bidang pelajaran misalnya, perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah mengakibatkan kemusnahan peluang-peluang pelajaran tinggi untuk kaum bukan Melayu sama ada di peringkat universiti atau pra universiti. Walaupun Dasar Ekonomi Baru semasa ianya diumumkan dahulu sebagai satu rancangan yang akan membantu orang-orang Melayu untuk menyaingi kaum-kaum lain dalam bidang pelajaran tinggi. Satu lagi contoh yang baik ialah pembahagian kaum dalam sktm-skim tanah iaitu FELDA yang mana keperluan pembahagian kaum yang seimbang dalam skim-skim pembangunan tanah Kerajaan telah dinafikan seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh yang mana perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah mengakibatkan sesuatu golongan tertentu merasai kehilangan atau diketepikan ialah mengenai perlaksanaan pelbagai projek pembangunan semula bandar oleh pihak Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) di Kuala Lumpur yang telah menyebabkan ramai peniaga kecil terpaksa keluar dari tapak asal kerana kedudukan kewangan mereka tidak mengizinkan mereka menyewa unit-unit baru di kompleks moden yang dibina oleh pihak UDA.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa terbaru dalam kejadian-kejadian ini ialah kesah pam minyak Boon Brothers di Sitiawan yang juga telah disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang telahpun....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hujah itu telahpun dikemukakan dan saya rasa tidak perlu Yang Berhormat mengulangi lagi hujah yang sama. Sekiranya ada perkara Yang Berhormat hendak kaitkan dengan hujah yang berlainan, bolehlah Yang Berhormat huraikan tetapi sekiranya itu bersamaan bolehlah Yang Berhormat tinggalkan perkara itu kerana telahpun dibangkitkan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya telah menyenutuh tadi ialah tentang berbagai-bagai contoh untuk membuktikan dakwaan pihak DAP bahawa sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan nampaknya telah timbul ketidakadilan dan ketidakaksamaan baru. Maka memandangkan kepada hujah-hujah yang disampaikan oleh saya tadi, saya berpendapat bahawa adalah sangat perlu supaya Usul ini dapat dibahas dalam Dewan pada petang ini untuk membolehkan semua Wakil Rakyat menumpukan perhatian mereka terhadap masalah ini khususnya masalah tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, sungguhpun kita semua bersetuju dengan objektif ataupun tujuannya.

Dalam kebangkitan pembangunan-pembangunan berbentuk ini, adalah tepat pada masanya bagi Parlimen menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan bagi menyemak semula dan memperbetulkan kelemahan-kelemahan, mengenal pasti kelemahan itu dan memperbetulkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan merekomen kepada Parlimen berbagai langkah yang diperlukan untuk memastikan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tidak akan lari atau tidak akan menyimpang dari tujuan asalnya serta satu garis panduan yang sempurna hendaklah disediakan bagi menentukan bahawa matlamat-matlamat tertentu Dasar Ekonomi Baru adalah satu cara ke arah membina perpaduan negara.

Sekian dan dengan ini saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Wakil dari Kota Melaka.

**Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat: Bangun.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya belum kemukakan masalahnya lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bagan Datok.

*5.15ptg.*

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbincangan bagi membangkang Usul yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang dan disokong oleh Ahli dari Kuala Lumpur Bandar.

Saya bangun segera tadi bukanlah untuk apa, tetapi takut idea-idea yang sedang ada ini hilang. Terima kasih kerana membenarkan saya sebagai Ahli Dewan yang pertama dari Barisan Nasional untuk mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang dan penyokongnya tadi, itu pun sudah memadai bahawa Kerajaan Barisan Nasional memberi peluang kepada mereka untuk mengemukakan perkara itu dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi hujah-hujah yang dikemukakannya saya rasa gagal sekali untuk menyokong Usul ini disokong. Alasan saya, untuk mengatakan sama ada Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini berjaya ataupun gagal tidaklah boleh hanya kita mengemukakan satu contoh. Satu contoh pam minyak Boon Brothers di Sitiawan itu sudah 100% Dasar Ekonomi Baru kita menyeleweng, gagal, tidak ada keadilan, tidak ada kesamaan, saya rasa tidak betul. Kalau kita hendak menyatakan kegagalan atau kejayaan sesuatu yang diwujudkan oleh Kerajaan, kita mesti pandang pada keseluruhannya (average), hitung panjang, bukan dengan mengambil satu-satu contoh, itu disebut dengan cara bongkak dan sombong. Katanya tiada histeria, tiada sentimen tetapi dari segi psikologi, saya tahu, ada sentimen. Kitapun tahu sama ada usul itu dikemukakan dengan cara ikhlas ataupun dengan cara kata pepatah, 'Pepat di luar rencong di dalam, sekilat ikan di dalam air kita tahu jantan betina'. Sebab itu kita faham. Kalau saya katakan sekilat ikan di dalam air kita

tahu jantan betina', maka itu menunjukkan arifnya kita menentukan sesuatu yang kita katakan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan oleh Kerajaan yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang dan Wakil dari Kuala Lumpur Bandar telah mengetahui apakah objektif, iaitu penyusunan masyarakat majmuk yang ada di dalam negara kita Malaysia ini yang berbilang kaum. Sebelum diwujudkan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan ini dari segi penyusunan ekonomi dan sebagainya, Kerajaan Malaysia atau dulunya Kerajaan Perikatan telahpun menyusun satu dasar yang baik untuk berkongsi sama memerintah negara Malaysia ini dengan tiga bangsa. Dibenarkan orang Melayu, orang Cina dan orang India duduk setaraf sebagai Menteri Kabinet. Ini kalau saya ulas, dua jam tidak habis, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi peluang orang lain samalah.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, tetapi saya bangun ini, saya hendak menerangkan satu persatu, bagi chance saya bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi 'chance' itu kena minta izin.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Terima kasih, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Ketua Pembangkang dan wakil-wakil DAP yang duduk dalam Dewan ini memahami bagaimana baiknya Kerajaan, kalau tidak salah biar saya sebut satu yang paling cukup berharga kepada saya dan orang Melayu iaitu dasar Kerajaan Perikatan men'jus soli'kan rakyat dalam negeri ini. Saya hendak tahu berapa juta rakyat orang Cina yang diotomatikkan jadi warganegara.

Dan saya hendak tahu, mari kita tanya negara lain dalam dunia ini adakah pernah negara lain melaksanakan secara automatik men'jus soli'kan rakyat negara asing, diotomatikkan jadi warganegara yang mendapat hak yang sama.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa sekiranya ia terus melanggar peraturan-peraturan tatatertib mesyuarat ini, saya akan keluarkan dia daripada mesyuarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan kita ialah satu masalah yang sambil kita mencari bahan-bahan pemikiran juga tidak boleh kita pisahkan diri kita daripada sedikit ketegangan. Oleh itu, janganlah membuatkan keadaan yang pasti tegang itu lebih tegang lagi. Oleh itu saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat membawa diri dan berucap dengan penuh tanggungjawab. Sekali lagi saya ingatkan Yang Berhormat dari Bandar Kuching supaya jangan lagi keluarkan apa-apa perkataan apa-apapun di dalam Dewan ini kecuali bila saya memanggil beliau untuk berucap. Sila teruskan Yang Berhormat dari Bagan Datok.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Sekejap lagi saya beri jalan macam Ketua Pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak diizinkan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Sekejap lagi. Saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana dengan dasar liberal Kerajaan Perikatan pada masa itu telah memberi peluang kepada orang Cina menjadi warganegara dan mengambil kesempatan, peluang berniaga, peluang berusaha dan sebagainya sehingga peratus kekayaan dari segi perniagaan, dari segi memiliki hartanah, bangunan-bangunan dan sebagainya telah meningkat begitu tinggi yang membezakan jarak jauh perbezaan ekonomi untuk bukan bumiputera dengan bumiputera.

Maka dengan sebab itulah Kerajaan kita untuk menjawab perasaan tidak puas hati kepada bumiputera, kepada bukan bumiputera diwujudkan Dasar Ekonomi Baru dengan mempunyai matlamat atau mempunyai objektif menyusun semula masyarakat. Tafsiran penyusunan semula masyarakat ini ialah untuk

tidak menampakkannya kalau orang Melayu hanya hidup di kampung atau luar bandar, dan kalau orang Cina hanya hidup di bandar dan menjalankan perniagaan dan kalau orang India hanya hidup di estet-estet menjadi buruh, itulah objektif Dasar Ekonomi Baru. Dan sekarang mari kita perhatikan setelah 14 tahun Dasar Ekonomi Baru ini berjalan adakah objektif-objektif ini telah tercapai? Itu soalnya. Jawapannya, belum lagi tercapai. Tetapi bolehlah dikatakan peratusnya itu agak adalah sedikit.

Sebagai contoh, kalau Ketua Pembangkang dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi menyebutkan contoh dari segi petrol pump sekarang saya hendak sebut. Baru tadi dalam Masa Soal Jawab Timbalan Menteri menerangkan apabila ditanya oleh Yang Berhormat dari Pembangkang juga menyoal hendak tahu berapa peratus bumiputera yang mengusahakan petrol pump ataupun pam minyak. Jawapannya baru 4% dan keseluruhannya dibandingkan daripada bumiputera hanya 27%, bukan bumiputera 63%. Itu pun dengan sebab adanya PETRONAS yang dikuasai oleh Kerajaan. Kalau hendak diharapkan dengan ikhlas syarikat-syarikat minyak seperti Shell, Mobil, Caltex dan lain-lain yang dikuasai oleh bukan bumiputera jangan harap bumiputera hendak dapat petrol pump daripada syarikat-syarikat yang dikuasai oleh bukan bumiputera walaupun Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet daripada UMNO menyembah minta tolong, melutut di kaki orang bukan bumiputera tidak dapat. Nasib baiklah Kerajaan buat satu usaha, Allah Ta'ala' pun beri rezeki kepada PETRONAS, dapatlah beri petrol pump kepada bumiputera, Itupun dipersoalkan! Baru 4% belum tentu berjaya atau tidak dan bumiputera yang dapat petrol pump atau pam minyak ini pinjam duit daripada bank. Bank mana? Bank yang dikuasai oleh sama ada bumiputera atau bukan bumiputera.

Kalau bukan bumiputera yang punya bank itu kalau beri bumiputera berniaga, Alhamdulillah nasib baik, tetapi hitung panjangnya kalau bank-bank itu dikuasai oleh bukan bumiputera, jangan harap bumiputera hendak senang

dapat meminjam. Melainkan berjumlah jugalah kepada Bank Bumiputra, Bank Rakyat, Bank Islam, Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional. Ini terang dan nyata. Kalau kita pergi lihat di Kuala Lumpur mi, mari kita pergi lihat Lee Wah Bank dan lain-lain bank yang dikuasai oleh bukan bumiputera. Tengok daripada Executive Officer, daripada atas sampai ke bawah adakah atau tidak bumiputera. Tidak ada! Kita wujudkan Bank Bumiputra, disabotaj pula.

Ini saya hendak cadangkan supaya Jawatan-kuasa apa sekalipun ditubuhkan siasat siapa itu George Tan yang menghancurkan Bank Bumiputra. Jangan siasat pegawai Bank Bumiputra itu tetapi siasat George Tan itu daripada mana asalnya, siapa di belakangnya adakah Parti Pembangkang yang menyuruh dia buat serupa itu. Kita hendak siasat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat penjelasan diminta.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Nanti dulu, saya belum habis. Habis nanti saya beri penjelasan. Jangan pula Ketua Pembangkang berucap naikkan darah kita, kita ingat. Kita orang Islam mempunyai kesabaran, keimanan, yang kuat dan teguh. Buat kata Yang Berhormat dari Padang Rengas manusia-manusia Islam ini mempunyai keimanan, kesabaran yang boleh dicuba, tidak hilang kerana kita ada panduan iaitu Allah s.w.t. yang sentiasa menunjukkan kita kepada jalan yang benar. Sebab itu tiap-tiap mula kita bermesyuarat kita berdoa kepada Allah. Bukan seperti kafir laknatullah yang tidak mendapat petunjuk dan hidayah daripada Allah s.w.t. Itu dia cara kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat dibangkitkan, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat 36(4) kalau tidak silap saya yang mencegah seseorang mengeluarkan atau menggunakan bahasa biadap!

Adakah penggunaan yang tadi daripada Yang Berhormat dari Bagan Datok mengenai orang yang bukan Islam — kafir; sama ada itu biadap, adakah unparliamentary dan kalau unparliamentary, minta satu ruling bahawa beliau tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka perkataan-perkataan ataupun perkataan-perkataan hampir yang disebutkan tadi, walaupun tidak boleh disebut perkataan yang tertentu itu, perkataan-perkataan yang sebelum atau selepasnya itu supaya saya dapat memberi keputusan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang dikata mengenai bahawa orang Islam adalah sabar dan orang bukan Islam tidak sabar, yang pertama itulah yang melanggar sensitif— dua point of order sekarang.

36(1)(c) yang berbunyi dalam English:

'words which are likely to promote feelings of ill-will.....'

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:**....dan kedua mengenai perkataan akhir, Peraturan 36(4), oleh kerana kalau trend ini dibenarkan, saya rasa perbahasan UMNO/PAS tidak begitu hangat semacam dalam Dewan ini sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Badan Datok, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat bermaksud 'laknatullah' adalah setiap yang bukan Islam ataupun orang-orang yang jahat sahaja.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak menentukan sama ada orang Islam atau bukan Islam dia laknatullah, siapa pun tidak boleh tahu, Tuan Yang di-Pertua, Allah Taala sahaja yang tahu. Tadi saya bukan mengatakan Ketua Pembangkang atau wakil Kuala Lumpur Bandar atau pun orang bukan Islam itu laknatullah — tidak, hanya Allah Taala yang tahu di atas niat seseorang itu. Jadi tadi saya memberi ucapan

jangan Ketua Pembangkang terasa pula — tidak. Beliau sendiri walaupun bukan Islam, tetapi belum tentu dia tidak masuk syurga. Kalau dia mati esok 'mengucap', dia masuk syurga, Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya belajarlah. Islam ini ia dalam, Tuan Yang di-Pertua, kalau Ketua Pembangkang hendak belajar, bolehlah saya ajar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, jelas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta satu rulling yang spesifik, bukan satu peluang di mana Yang Berhormat Menteri boleh elak dan lari. Ucapan saya tadi ialah spesifik mengenai apa yang berlaku dalam perbahasan ini dan dalam perbahasan ini baru dua orang yang ada berucap, iaitu saya dan rakan saya Ahli dari Kuala Lumpur Bandar dan sangat nyata, saya rasa saya minta ruling on a point of order....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat duduk sebentar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya pula ingin bertanya, adakah Yang Berhormat ada imputation, dengan izin, bahawa saya cuba menolong Ahli Yang Berhormat dari Badan Datok melepaskan dirinya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak buat imputation, tetapi saya rasa tidak seorangpun yang ada mengeluarkan perkataan yang boleh dibenarkan elak daripada apa yang dikeluarkan, tidak bolehpos *ex postfacto* untuk menjelaskan apa yang sudah dikata itu sama ada pada mukanya itu melanggar seksyen kecil 4, seksyen kecil 10, oleh kerana penjelasan selepas itu ialah mitigation sahaja. On the face of it, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikeluarkan, diucapkan, adakah dibenarkan parliamentary atau tak parliamentary, mengenai kafir mengenai orang Islam ada kualiti, orang yang bukan Islam tidak ada kualiti. Saya minta rulling dua-dua ini oleh kerana bersabit dengan Peraturan 36(4) dan 36(10) spesifik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebagai orang yang hendak memutuskan perlulah

saya mendapat penjelasan sejelas-jelasnya dahulu, maka soalan-soalan saya tadi adalah semata-mata untuk mendapatkan penjelasan dan sekarang setelah jelas saya putuskan:

Pertama, mengenai Peraturan Mesyuarat 36(4) yang dibangkitkan tidak saya terdengar suatu yang merupakan bahasa biadab dalam konteks yang disampaikan kerana jelas bahawa tadi Yang Berhormat Ahli dari Bagan Datok tidak memaksudkan bahawa kesemua orang-orang bukan Islam ataupun mana-mana orang, mana-mana golongan adalah orang-orang laknatullah.

Mengenai kebangkitan Peraturan Mesyuarat 36(10)(c):

Saya memutuskan bahawa setakat ini Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok belum lagi ataupun tidak menyalahi Peraturan Mesyuarat 36(10)(c), tetapi saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, sekiranya ia teruskan dengan arah yang sama, saya pasti ia akan menyalahi Peraturan Mesyuarat tersebut. Sila teruskan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagaimana yang saya katakan pada permulaan tadi objektif Dasar Ekonomi Baru ini adalah untuk menyusun masyarakat majmuk di dalam negara kita ini. Jadi setelah 14 tahun rancangan Dasar Ekonomi Baru ini berjalan, kita dapati sedikit-sedikit telah beransur memulihkan penyusunan terhadap ekonomi orang Melayu dan penyusunan kepada masyarakat ketiga-tiga kaum yang terbesar di dalam negara kita ini. Umpamanya dengan Dasar Ekonomi Baru ini kita dapati bahawa ramai ataupun banyak bilangan orang-orang Melayu kita telah menceburkan diri di dalam lapangan perniagaan sama ada perniagaan itu dikuasai secara individu ataupun secara kumpulan ataupun penyertaan saham-saham yang dikelolakan sama ada secara persendirian ataupun secara yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui PNB dan sebagainya. Maka dengan adanya Dasar Ekonomi Baru ini dapat kita meletakkan bumiputera kita, kalau dahulu

mereka itu kita dapati hanya berniaga di luar bandar, di kampung, tetapi sekarang orang-orang Melayu sudah ada bersama berniaga bersama-sama dengan orang-orang bukan Melayu, sama ada orang Cina ataupun orang India dan ada juga kita dapati bahawa orang-orang Cina dan India berusaha sama, berkongsi sama menjalankan perniagaan di dalam negara kita ini untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sebelum adanya Dasar Ekonomi Baru, orang Cina asyik berniaga dengan cara Cina — tidak mahu berkongsi dengan orang Melayu, orang Melayu asyik berniaga dengan cara Melayunya, tetapi dengan adanya Dasar Ekonomi Baru ini kita dapati bahawa sama ada peniaga itu orang Melayu aktif atau tidak, itu terpulanglah kepada diri masing-masing. Tetapi saya dapati bahawa prestasi akan pencapaian objektif DEB ini adalah didapati kesannya beransur-ansur baik dan dapat menyusun masyarakat ketiga-tiga kaum di dalam negara kita. Umpamanya orang-orang India kalau dahulu mereka hanya sebagai buruh biasa, tetapi dengan adanya syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Mendiang Tun V.T Sambanthan dengan Syarikat NCLF dan berbagai-bagai syarikat lagi dengan membeli estet-estet yang begitu besar di dalam negara kita termasuk kawasan saya, dalam kawasan Parlimen Bagan Datok, habis estet orang putih dibeli oleh syarikat dan buruh-buruh di situ ada saham di dalam ladang itu. Ini menunjukkan bahawa orang India bukan sahaja sebagai buruh, tetapi sebagai masyarakat yang dapat menyertai Dasar Ekonomi Baru.

Orang Cina sudah tentulah macam saya katakan tadi, di samping Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru membuat berbagai-bagai pembangunan, macam kata Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mencontohkan UDA. UDA memang kita buat untuk membangunkan bandar ataupun bandar kecil, tetapi apabila UDA mengeluarkan tender untuk membuat bangunan yang beratus-ratus juta, siapakah kontrak yang dapat? Syarikat orang Cina.

Jadi, saya hendak tanya sama ada Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu hanya orang Melayu, Bumiputera sahajakah dapat atau yang banyak dapat untung dan sebagainya itu adalah terdiri daripada kaum Cina. Jadi, bagaimanakah dakwaan Ketua Pembangkang dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengatakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini menjauhkan ataupun diskriminasi, tidak ada perpaduan nasional dan sebagainya. Cuba beri contoh macam kata Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi Dasar Ekonomi Baru telah membuatkan kecacatan, cuba sebut apa dia yang cacat, beri contoh-contoh. Kalau kita kata perpaduan nasional tidak ada dengan sebab bidang pelajaran tinggi tidak dapat peluang kepada bukan bumiputera. Dalam soal-jawab kepada Menteri Pelajaran kalau kita tanya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini Wakil daripada mana, kalau saya sebut nama Dato Khalil tak sedap pula ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menteri?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberi peratus tentang pelajar yang pergi ke luar negeri dan sebagainya. Walaupun katalah dari segi peluang untuk Kerajaan mengambil pelajar daripada orang Cina itu sedikit, tetapi pelajar-pelajar yang dihantar oleh orang Cina yang begitu kaya, beratus-ratus, beribu-ribu pergi ke Amerika, pergi ke London, pergi ke Australia cuba beritahu saya kerana orang Cina begitu senang, wangnya banyak, dia boleh hantar anak-anak ke luar negeri, balik esok boleh jadi doktor, boleh jadi lawyer, boleh jadi Menteri, boleh jadi itu, boleh jadi ini. Inilah bak kata Timbalan Menteri Pertanian, Wakil daripada manakah itu .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apa, Timbalan Menteri Pertanian cukup.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Timbalan Menteri Pertanian, cuba kita dengar hujahnya semasa beliau membahaskan bila Ketua Pembangkang membawa hakisan mengatakan tak ada demokrasi. Yang saya tahu ada dua orang sahaja orang bukan bumiputera baik, faham; satu Dr. Goh itu baru saya dengar, yang seorang lagi Professor Koh Kai Keng tengok cara

dia memberitahu bagaimana kita hendak mengenali, bersatu padu, tahu akan negara ini, siapa asal usulnya, mengapa bumiputera itu patut kita tolong, macam itulah caranya. Jangan macam cara Ketua Pembangkang ini, tak betul cara itu.

Saya suka hendak memberitahu kepada Ketua Pembangkang dan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, kalau suara-suara Ketua Pembangkang ini diucapkan di luar daripada Dewan ini, ini merupakan satu batu api kepada rakyat bukan bumiputera, iaitu mengapi-apikan kepada rakyat supaya tak puas hati kepada Kerajaan sedangkan Kerajaan Barisan Nasional, daripada satu Perdana Menteri ke satu Perdana Menteri, dia sebut tadi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak sampai meninggal di London mengidap lukaemia kerana memikirkan masalah negara Malaysia, Tun Hussein Onn, sekarang Dato Seri Dr. Mahathir dengan Dato Musa dan Menteri Kabinet merancang bagaimana negeri ini jangan terasa. Bagi kita orang bumiputera setiap kata yang kita ucap kita akan memelihara, kalau aku cakap macam ini macam mana rasa hati dia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekali lagi Yang Berhormat menghampiri menyalahi Peraturan Mesyuarat 36(10)(c) tak boleh membezakan sifat-sifat antara satu kaum dengan satu kaum, tak boleh membezakan sifat-sifat golongan mana-mana agama di antara satu agama dengan satu agama. Saya harap Yang Berhormat memberi penekanan terhadap unsur-unsur yang lain daripada perbandingan sifat-sifat dalam membahaskan masalah di depan kita ini. Sila teruskan, Yang Berhormat dan saya harap Yang Berhormat boleh gulung dalam masa 5 minit. Saya beri masa Yang Berhormat 5 minit sahaja lagi.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Apa yang saya katakan tadi itu adalah untuk menenangkan kepada setiap apa yang kita rancang oleh Kerajaan itu daripada satu Perdana Menteri kepada satu Perdana Menteri adalah untuk menyatupadu perpaduan kaum di dalam negara kita ini.

Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua memberikan masa saya 5 minit, saya ingat tadi dapat berucap lagi sampai 6.30, sampai tamat Dewan ini, oleh sebab itu saya terpaksa pergi kepada tajuk-tajuk yang saya catitkan di dalam catitan saya untuk menyertai perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sama sekali menolak hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang dan penyokongnya tadi dengan alasan yang telah saya berikan tadi bahawa tidaklah boleh kita mengatakan gagalnya Dasar Ekonomi Baru ini dengan mengambil satu contoh seperti yang disebutkannya Pam Minyak Boon Brothers di Sitiawan. Saya rasa jawapannya ada pada Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Perak yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya, Dato Seri Ramli Ngah Talib dengan Exconya tentulah ada mempunyai alasan-alasan yang begitu baik yang tidak bertujuan menganiaya kepada sesiapa juga di dalam Negeri Perak untuk menjalankan sama ada Dasar Ekonomi Baru ataupun perniagaan ataupun apajuga sebarang pentadbiran Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu suka saya menyebutkan di sini, saya berasa amat dukacita di atas penerangan Ketua Pembangkang dan juga penyokongnya tadi mengatakan bahawa dalam ucapan Timbalan Perdana Menteri ada menyebut bahawa Kerajaan akan memberhentikan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990. Saya sebagai Wakil Rakyat dan juga daripada Parti UMNO saya akan mendesak melalui UMNO dalam Perhimpunan Agung supaya Kerajaan meneruskan Dasar Ekonomi Baru ini, jangan diberhentikan pada tahun 1990 kerana negara kita telah dijajah beratus-ratus tahun dan kita baru sahaja hendak membetulkan selama 14 tahun, sampai tahun 1990 hendak diberhentikan pula, jangan.

Saya mendesak kepada Kerajaan dan Unit Perancang Ekonomi, pegawai-pegawainya yang bijaksana di Unit Perancang Ekonomi supaya mencadangkan kepada Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya supaya ditemskan Dasar Ekonomi Baru ini, jangan diberhentikan dan saya akan memberitahu rakyat saya seramai 100,000 supaya mendesak Kerajaan meneruskan Dasar Ekonomi Baru

ini, kerana dasar ini adalah satu dasar yang baik, walaupun tidak untuk kita yang hidup tetapi adalah untuk generasi yang akan datang kerana generasi yang akan datang yang akan dibentuk oleh Dasar Ekonomi Baru ini sudah tidak ada lagi Melayu, tidak ada lagi Cina, tidak ada lagi India tetapi pada tahun 2,000 ataupun tahun 3,000 nanti kita hanya dapat ialah bangsa Malaysia di mana Tanah Melayu inipun dalam geography sudahpun tak ada, sudah diganti dengan Malaysia. Itu satu pengorbanan orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, waktu saya belajar Ilmu Alam dahulu ada dalam peta dunia Tanah Melayu', tetapi hari ini Tanah Melayu sudah tak ada, itu pengorbanan orang Melayu sampai dalam peta untuk belajar di sekolah pun sudah tak ada, sudah diganti dengan 'Malaysia', korbankan. Yang tinggal pada orang Melayu, Keretapi Tanah Melayu, Askar Melayu, Baju Melayu, belacan Melayu, itu sahaja yang ada, Tuan Yang di-Pertua. Kalau inipun semua hendak diungkit oleh Parti Pembangkang, saya rasa boleh tetapi tunggulah masanya, tak lama lagi Keretapi Tanah Melayu itupun akan hilang, Askar Melayu itupun akan hilang, tunggulah sebab orang Melayu ini sunguh .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, beralih kepada perkara yang lain.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tidak, saya hendak menggulung menutup supaya Ketua Pembangkang itu jangan lagi sentimen, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sedang menaikkan sentimen.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua, kalau itu menaikkan sentimen tetapi apa yang saya kata itu ikhlas, iaitu saya menerangkan dari segi sejarah tentang kerugian orang Melayu, dia sanggup, tetapi janganlah sampai ditolak ke air sampai lemas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila beralih kepada perkara yang lain.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya untuk memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain untuk menyertai perbincangan ini seperti mana yang saya tegaskan tadi, saya sangat berharap kepada Kerajaan, kepada Unit Perancang Ekonomi, kepada Menteri-menteri Kabinet — bukan sahaja Menteri daripada UMNO tetapi kepada Barisan Nasional yang didokong oleh parti komponen Barisan Nasional supaya merancang ataupun memberi sokongan kepada Dasar Ekonomi Baru ini supaya dapat diteruskan kerana alasan saya Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan selama 14 tahun ini bukannya semata-mata membasmi kemiskinan kepada orang Melayu tetapi membasmi kemiskinan kepada semua bangsa, orang Cina, orang Melayu dan orang India di dalam negara kita ini. Tetapi kalau sebilangan kecil orang Melayu itu menjadi kaya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh gulung sekarang.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, saya menggulung, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Kalau sebilangan kecil orang-orang Melayu yang menjadi kaya dan sebilangan kecil orang Melayu yang miskin, itu tidak dapat dikatakan tak ada perpaduan nasional, yang penting sekarang ialah untuk melaksanakan perpaduan semua kaum di dalam negara ini, tetapi malangnya di dalam pelaksanaan Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, berpaduan negara dan sebagainya....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau saya suruh duduk serta-merta bukankah tergantung ayat?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, saya hendak berhenti int, Tuan Yang di-Pertua, tetapi segala perancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menyatupadu dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini kita berharap

pihak Parti Pembangkang janganlah membawa usul-usul yang seperti dikemukakan pada sekarang ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sesungguhnya menyatakan saya tidak bersetuju sama sekali cadangan yang dikemukakan oleh Parti Pembangkang dan saya menentang dengan sekeras-kerasnya. Terima kasih.

**Beberapa Ahli Yang Berhormat:** *Bangun*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, Walaupun masalah di depan Majlis berpotensi untuk mewujudkan ketegangan namun kalau diteliti Usul yang menjadi masalah di hadapan Majlis tidak perlu ia menimbulkan ketegangan kerana Usul di depan Majlis ialah persoalan sama ada Dewan ini setuju atau tidak mengadakan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menyiasat kepada apa yang didakwakan ketidakadilan dan ketidakaksamaan Dasar Ekonomi Baru dan apa yang didakwakan sebagai kegagalan Dasar Ekonomi Baru dalam mencapai matlamat-matlamatnya. Itu sahaja masalah.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

5.53 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu):** Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita telah pun mendengar dua ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Kota Melaka iaitu yang merupakan ucapan-ucapan ceramah pilihanraya. Mereka sudah menduga bahawa pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi dan datang ke Dewan ini dengan harapan untuk memancing undi melalui satu Usul yang dibawa kepada Dewan ini.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua orang Ahli Pembangkang itu bukanlah suatu perkara baru. Kita sudah dengar hujah-hujah seperti itu berkali-kali sejak pilihanraya diadakan dan ternyata bahawa hujah-hujah itu telah ditolak oleh rakyat dan pihak DAP bukan sahaja tidak berjaya mempengaruhi rakyat tetapi rakyat telah menolak hujah-hujah seperti yang dinyatakan itu.

Tetapi apa yang hendak saya katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa adalah malang sekali di dalam negara kita Malaysia ini kita ahli-ahli politik masih lagi tidak dapat berfikir secara matang, masih lagi mencari jalan senang untuk mencari pengaruh, masih lagi mencari jalan dekat untuk menaikkan semangat rakyat iaitu dengan menggunakan isu yang usang iaitu isu perkauman.

Memang isu perkauman adalah suatu perkara yang amat mudah untuk diperkatakan, baik orang Melayu, orang India, orang Cina; cara yang paling baik untuk memperkenalkan diri kita kepada kaum masing-masing dan cuba untuk menarik perhatian dan sokongan mereka ialah dengan memperkatakan bahawa kaum yang kita cuba hendak pengaruhi itu adalah satu kaum yang ketinggalan di dalam serba-serbi kegiatan masyarakat di negara kita. Dan dengan menaikkan sentimen perasaan mereka kita mengharap mereka akan dapat memberi sokongan dan menjadikan kita sebagai juara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira sudah 28 tahun kita merdeka dan sudah sekian lama pula Parlimen ini wujud, sudah sampailah masanya Ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli politik di negara ini berfikir lebih, dengan izin, sophisticated, lebih bertertib dan bersikap lebih baik secara senang di dalam menghadapi masalah mendapatkan sokongan daripada rakyat. Kita orang politik boleh memilih jalan senang dan boleh memilih jalan susah dan akhirnya tafsiran sama ada kita orang politik yang baik atau tidak akan ditentukan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mudah seperti yang saya kata tadi mengatakan bahawa orang Melayu mundur, orang Cina mundur, orang India mundur, orang Iban mundur, orang apa sekalipun mundur, mudah sekali untuk kita mengatakan tetapi soal yang hendak kita jawab di sini ialah apakah kita lebih baik daripada orang lain di luar negara Malaysia ini.

Memang kalau kita melihat jiran di sebelah kita yang rumahnya besar, rumah kita lebih kecil daripada rumahnya kita akan berasa bahawa kita adalah satu orang yang tidak bernasib baik dan yang dianiaya, yang ditekan dan sebagainya, tetapi kalau kita melihat ke luar

daripada rumah kita di sebelah yang lain pula kita akan mendapati rumah orang lain lebih kecil daripada rumah kita dan kehidupan keluarga di situ lebih dhaif daripada kita, maka barulah kita akan menyedari bahawa kita satu keluarga yang rupa-rupanya lebih bernasib baik daripada keluarga yang lebih malang daripada kita.

Masalahnya apakah kita mahu bersyukur dengan apa yang kita ada ataupun kita tidak mahu bersyukur dengan apa yang kita ada. Senang sahaja jawabnya. Kalau kita tidak mahu bersyukur dengan apa yang kita ada maka kita bersama-sama dengan orang-orang yang tidak bersyukur itu akan mengapi-apikan rakyat yang tidak bernasib baik dan akan berlakulah rasa tidak puas hati dan rasa tidak puas hati ini akan mencetuskan sesuatu yang tidak baik akhirnya, tetapi kalau kita menganggap bahawa kita sudah bernasib baik dan lebih bernasib baik daripada orang-orang yang tidak bernasib baik terutama orang-orang yang di luar daripada negara kita maka kita akan mendapati bahawa kita adalah seorang manusia yang boleh bersyukur dan berterima kasih dengan apa yang telah diberikan oleh Malaysia negara kita kepada kita dan kita akan cuba mengajak orang lain untuk bersama-sama bersyukur dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencatatkan beberapa hal yang telah ditimbulkan oleh Wakil dari Kota Melaka mengenai beberapa kelemahan ataupun penganiayaan yang kononnya didakwa yang telah dikenakan kepada orang-orang yang bukan Melayu. Beliau telah menyebut antara lain soal penyertaan FELDA Melayu sahaja banyaknya, orang bukan Melayu tak ada.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, penyertaan orang Melayu dalam FELDA dan bumiputera lain dalam FELDA bukanlah sesuatu yang patut diungkit-ungkit oleh kerana bidang pertanian sebenarnya adalah sektor yang paling miskin dalam semua sektor ekonomi di negara kita ini dan peserta-peserta FELDA yang mendapat 10 ekar tanah tidaklah boleh dibanding dengan orang-orang bukan Melayu yang memiliki harta estet beribu-ribu ekar yang banyak merata-merata di negara kita ini.

Kalau kita ungkit 10 ekar tanah diberi kepada orang Melayu dalam FELDA maka orang ini akan mengungkit betapa hal beribu-ribu ekar tanah yang dimiliki oleh bukan Melayu dalam bentuk estet yang terdapat di serata tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul orang Melayu luar bandar mendapat rumah murah lebih banyak barangkali daripada orang-orang lain tetapi dalam bandar rumah murah lebih banyak didapati oleh orang-orang bukan Melayu. Dan sebenarnya kalau kita hendak bercakap tentang rumah murah, hendak diungkit-ungkit rumah murah, saya sendiri merasa bukanlah satu perkara yang amat penting yang hendak kita bangkitkan oleh kerana kalau kita bangkitkan soal rumah murah kita patut bangkitkan soal rumah bukan murah iaitu rumah-rumah mahal. Kalau kita katakan rumah murah untuk orang Melayu, rumah mahal untuk siapa? Rumah mahal untuk bukan Melayu, di mana rumah mahal di bandar-bandar besar, siapa punya, bukan Melayu punya. Kalau dibandingkan siapa yang menang, adakah orang Melayu atau orang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyetujui tentang soal biasiswa yang telah disebutkan oleh dan telah dijawab diulas oleh sahabat saya tadi tetapi saya hendak menyebut bahawa dalam soal masalah pemberian biasiswa dan penempatan anak-anak di sekolah tinggi ini, saya kira kita patutlah bersikap rational.

Kita harus bertanya berapa banyak orang Melayu bumiputera yang telah lulus dan menerima ijazah sehingga hari ini, dan berapa banyak orang bukan Melayu yang telah menerima ijazah yang lulus daripada pengajian sehingga hari ini, bandingkan berapa peratus, dan bandingkan dari segi peratusan kaum yang ada dalam Malaysia ini barulah kita mendapat suatu gambaran yang objektif sama ada betul atau tidak berlaku diskriminasi dalam soal pemberian biasiswa dan tempat di institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkira dengan menimbulkan soal sebuah stesyen minyak yang mengatakan telah diambil alih oleh Kerajaan, dalam masa 15 tahun baru satu DAP dapat

menunjukkan bukti bahawa ada perbuatan yang tidak sehat berlaku dalam menjalankan DEB. Ini adalah suatu rekod yang barangkali tidak boleh, dengan izin, dimatch oleh mana-mana Kerajaan sekalipun dalam dunia dari segi keadilan, dalam masa 15 tahun satu baru kes yang dapat ditunjukkan oleh DAP dalam Dewan ini, dan itupun belum tentu benar atau salah. Barangkali ada, dengan izin, explanation daripada Kerajaan Negeri mengapa tindakan membatalkan lesen itu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, satu kes oleh Boon Brothers telah dibatalkan atau tidak disambung lesen minyaknya telah diungkit oleh dua orang Ahli Parlimen DAP dalam Dewan ini seolah-olah langit sudah runtuh dan sudah hendak kiamat, sudah berlaku suatu keadaan yang di mana seluruh masyarakat Malaysia harus bangkit menentang. Saya fikir inilah perwatakan yang saya sangat tidak suka hendak tenguk iaitu kita mengapi-apikan sesuatu perkara, dengan izin, out of proportion, suatu perkara yang sepatutnya boleh dibuat dengan secara administrative kalau DAP tidak puas hati tulislah surat kepada Menteri Besar Perak, tetapi dua orang bercakap atas masalah yang sama dalam Dewan ini, saya sendiri naik geli hati seolah-olah sudah tidak ada benda lain yang boleh dibawa dalam Dewan ini sebagai contoh untuk memperkuatkan kes mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ya, memang benar Naib Canselor yang ada di dalam negara kita ini boleh dikatakan semuanya orang Melayu, bumiputera tetapi apalah yang ada kepada Naib Canselor yang lima, enam orang itu. Berapakah sangat gaji mereka dan dengan menjadi seorang Naib Canselor barangkali mereka tidak boleh jadi millionaire, bandingkan berapa orang millionaire bukan Melayu yang ada dalam negara kita. Kalau hendak diungkit biarlah kita bersikap rational dan biarlah kita bersikap wajar dan bersikap adil.

Kita mestilah juga membaca dan memberitahu kepada rakyat berapa ramai millionaire bukan Melayu yang ada dalam Malaysia ini yang telah berjaya mengumpulkan harta kekayaan melalui sumber-sumber yang ada dalam Malaysia ini, berapa ramai. Kita hendak ungkit-ungkitkan soal Naib Canselor di Universiti yang enam orang langsung kita melupakan

bahawa orang bukan Melayu tidak dapat jadi Naib Canselor boleh berjaya dan boleh maju di dalam lapangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ya, memang benar masalah orang Melayu lebih banyak diberi peluang di dalam memilih permit teksi, rumah murah, apa lagi perkara-perkara yang kecil, perkara-perkara yang menunjukkan kemiskinan mereka tetapi jangan kita lupa bahawa sektor-sektor yang miskin ini tidak boleh meng kayakan orang-orang yang menyertai lapangan ini.

Dalam bidang ekonomi Malaysia sektor yang kaya, sektor yang maju ialah sektor kewangan, sektor pengeluaran, sektor perkilangan, sektor pembinaan, harta iaitu property development, dengan izin, perkapalan, insurans, banking dan sebagainya, siapa yang ada dalam sektor ini.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kuala Lumpur Bandar boleh bersikap ikhlas, jujur kepada dirinya sendiri, saya hendak bertanya dan saya harap beliau menjawab dan berlaku jujur kepada dirinya sendiri, jangan membohongi dirinya sendiri, walaupun dia tidak mahu membohongi orang lain, jangan berbohong kepada dirinya sendiri, jawab soalan saya, siapa yang menyertai sektor-sektor kaya ini, siapa yang mengambil bahagian dalam sektor-sektor ini. Orang Melayu berapa peratus, orang bukan Melayu berapa peratus, dan antara peratus orang bukan Melayu itu, berapa peratus orang Cina. Kalau tidak puas hati juga saya tidak tahulah, apa yang beliau hendak lagi.

Sebenarnya kalau ikutkan tidak puas hati sepatutnya orang-orang yang Wakil Rakyat yang macam sayalah yang patut tidak puas hati sebab orang-orang yang duduk di kampung di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada yang makan dua kali sehari, ada yang makan sekali sehari, duduk di rumah tidak ada api dan tidak ada air, longkang tidak tentu hala, nyamuk banyak, pacat banyak, penyakit banyak, kesusahan hidup dalam kampung, ini saya tidak dengar lagi barangkali kita tidak dengar lagi, sahabat-sahabat kita dari Sarawak yang akan

menceritakan betapa susahnya masyarakat luar bandar di Sarawak yang hidup di rumah panjang dengan serba serbi kekurangan, sudahlah miskin kekurangan dari segi infrastruktur, kekurangan dari segi peluang untuk mencari kehidupan, kekurangan dari segi peluang untuk mendapat pelajaran untuk anak-anak tetapi mereka tidak datang ke Dewan ini mengerit-jerit mengatakan mereka adalah satu kaum yang telah dizalimi atau didiskriminasi, mereka tidak datang kepada Dewan ini dan mengatakan bahawa mereka telah dianaktirikan bahawa Dasar Ekonomi Baru telah menyebabkan kesusahan kepada kehidupan mereka, tidak, mereka tidak bercakap. Apa yang anihnya sekarang Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa orang yang mewakili masyarakat yang paling berjaya dalam masyarakat Malaysia inilah orangnya yang datang ke Dewan dan berkata bahawa mereka telah dizalimi, ini adalah suatu paradox, dengan izin, akan tercatat di dalam sejarah negara ini dan sejarah Parlimen ini yang akan ditertawakan oleh generasi yang akan datang yang kelak akan membaca Hansard atau catatan Parlimen kita, betapa berpura-puranya Wakil-wakil mereka di dalam Dewan ini pada suatu ketika betapa tidak puas hatinya, betapa dengan izin, betapa artificialnya, Wakil-wakil Rakyat mereka bercakap di dalam Parlimen semata-mata untuk meharik perhatian orang-orang, kaum-kaum yang mereka wakili dengan sedikit pun tidak menghiraukan hakikat yang wujud dalam masyarakat Malaysia ini.

Kita tidak usah bercakap tentang statistik, memang saya tidak ada statistik hari ini hendak diberi untuk menyokong pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa masyarakat bumiputera, masyarakat Melayu adalah masyarakat yang terkebelakang, yang telah terkebelakang, yang masih terkebelakang dan akan terus kebelakang sampai lima tahun yang akan datang atau 10-20 tahun yang akan datang, tetapi kita tidak datang di sini dengan mengapi-apikan semangat sentimen perkauman orang Melayu untuk menentang, dengan izin, fellow citizens, orang-orang bukan Melayu semata-mata untuk mendapat, dengan izin, political score, untuk mendapat sokongan politik daripada masyarakat yang kita wakili.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang lebih buruk, tidak ada yang lebih jijik, tidak ada yang lebih dahsyat daripada membohongi sejarah, membohongi kenyataan, membohongi hakikat; tidak ada yang lebih buruk daripada perbuatan membohongi orang ramai dan cuba menutupi hakikat yang sebenarnya.

Memang, Tuan Yang di-Pertua, kita telah bercakap tentang perkhidmatan awam yang ramai dianggotai oleh orang bumiputera. Tetapi siapa dia ahli perkhidmatan awam yang dianggotai oleh orang bumiputera. Mereka adalah Kerani, mereka ialah Polis, mereka ialah Askar. Berapa gaji mereka? Hanya \$400 - \$500. Berapa ramai orang Melayu dalam golongan professional? Tanyalah Ketua Pembangkang daripada Kota Melaka. Sama ada orang Melayu lebih ramai dalam golongan professional ataupun bukan bumiputera lebih ramai di dalam golongan professional. Dan tanyalah Ketua Pembangkang berapa pendapatan ahli-ahli professional, \$300 atau \$3,000 sebulan? Di manakah, siapakah yang patut dan harus komplek dalam soal ini? Orang bukan Melayu atau orang Melayu, orang bumiputera atau bukan bumiputera?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengungkit-ungkit dalam soal Melayu, soal bukan Melayu, bumiputera dan bukan bumiputera, kita akan duduk dalam Dewan ini sampai pagi besok, sampai tahun hadapan, sampai seribu tahun lagi atau satu melion tahun lagi, kita tidak akan habis bercakap tentang isu perkauman di dalam Dewan ini.

Soalnya sekarang kita mesti tanya kepada diri kita sendiri, apakah kita hendak mengajar anak-anak dan generasi kita akan datang untuk menjadi perkauman seperti kita ataupun kita hendak mengajar anak-anak kita supaya melupakan bahawa mereka orang Melayu atau orang bukan Melayu bahawa semua mereka adalah masyarakat Malaysia yang wajib memberi sumbangan kepada kemajuan negara ini tanpa mengira bahawa mereka orang Melayu ataupun bukan Melayu, bumiputera atau bukan bumiputera.

Kalau kita datang ke Dewan ini dengan mengajar anak-anak dan generasi kita akan datang untuk melupakan keturunan mereka, maka kita tidak boleh dan tidak sewajarnya datang ke Dewan ini untuk bercakap tentang Melayu dan bukan Melayu, bumiputera dan bukan bumiputera. Kalau ada kekurangan berlaku kepada Ah Lim maka Ah Lim itu bukan kerana dia Cina maka dia kekurangan, tetapi Ah Lim yang kekurangan itu berlaku kerana dia Ah Lim dan dia adalah rakyat Malaysia. Kalau ada Mamat bin Abdullah tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti, bukan kerana dia orang Melayu tetapi adalah kerana dia Mamat bin Abdullah seorang Malaysia. Adakah kita sanggup bersikap demikian? Adakah kita sanggup mengajar diri kita dan mengajar generasi yang akan datang supaya bersikap sebagai seorang Malaysia tetapi kalau kita tidak sanggup melupakan bahawa kita adalah mewakili rakyat Malaysia dan kita masih berpegang bahawa kita adalah mewakili satu kaum yang tertentu sahaja maka kita akan bercakap tentang orang Cina, tentang orang Melayu sampai sejuta tahun yang akan datang dan kita tidak akan dapat menemui satu apa pun penyelesaian kepada masalah perkauman ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya menentang usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Belud.

*6.15 ptg.*

**Dato Haji Mohammad Yahaya bin Lampong (Kota Belud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai perbahasan tentang usul yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Saya sebenarnya apabila masuk ke dalam Dewan ini dalam tahun 1982 benci kepada Pembangkang tetapi apa boleh buat nasib sekarang ini saya juga menjadi seorang pembangkang. Jadi oleh sebab itu saya tidak lagi benci kepada pembangkang tetapi cuba mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan Tikiran yang terbuka. Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar hujah-hujah.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebentar, Yang Berhormat, minta duduk. Ahli Yang Berhormat, saya ingin bertanya kepada Bangku Kerajaan, sama ada berhajat untuk membawa usul di bawah Perkara 12.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Patmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam sehingga Usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka diselesaikan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato Chan Siang Sun);** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam sehingga Usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di selesaikan.

### JAWATANKUASA PILIHAN PARLIMEN — DASAR EKONOMI BARU

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya akan memberi masa 10 minit untuk pembawa usul mengulung, jadi kita ada masa perbincangan lebih sedikit daripada 30 minit. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat bekerjasama supaya masing-masing dapat masa untuk berbahas. Silakan Ahli dari Kota Belud.

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Terima kasih, terutama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebab berani membawa usul ini ke dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, beliau dan Ahli dari Kuala Lumpur Bandar telah gagal untuk mempengaruhi saya, terutama sekali bahkan Dewan ini supaya mendapat sokongan usul ini diterima.

Wakil-wakil dari Bagan Datuk dan Kuala Trengganu telah menyatakan hujah-hujah di mana Wakil-wakil dari Kota Melaka dan Kuala Lumpur Bandar gagal mensenaraikan satu persatu bidang-bidang di mana kegagalan dan ketidaksaksamaan telah wujud. Kalau saya rasa satu trend yang berbahaya, Tuan Yang di-Pertua, akan wujud di dalam negara ini sekiranya kita selalu mengungkit-ungkitkan isu perkauman disebabkan apabila kita gagal menda-pa sesuatu, kita akan membuat alasan, mencari alasan bahawa saya tidak dapat sesuatu oleh sebab saya Cina, saya tidak dapat sesuatu oleh sebab saya Melayu, saya tidak dapat sesuatu oleh sebab saya dari Sabah ataupun seterusnya. Sekiranya trend begini berterusan maka akan gagallah segala usaha-usaha kita, tindakan-tindakan kita akan menyatupadukan kaum di negara ini.

Kalau kita tinjau negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan sebagainya di mana kita dapati berbagai-bagai masalah yang wujud tetapi masalah-masalah yang wujud itu tidaklah pula dibangkitkan disebabkan oleh perkauman, oleh sebab satu kaum yang lebih maju daripada kaum yang lain, oleh sebab satu kumpulan lebih dibantu daripada kumpulan yang lain. Dan begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ketua Pembangkang dari Kota Melaka gagal, gagal mempengaruhi ataupun menjelaskan ke dalam Dewan ini bahawa hanya penyertaan Kerajaan sahaja yang selalu menjadi sasaran.

Bahkan penyertaan-penyertaan daripada private sector, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu di mana kalau Kerajaan mengirim 10,000 pelajar-pelajar Melayu ke seberang laut, kita dapat bahawa private sector ataupun

saudara-saudara kita orang-orang Cina mengir-  
rim 30,000. Jadi kalau kita katakan betul dari-  
pada segi Kerajaan tidak seimbang di mana  
mungkin kita kirim 10,000 orang Melayu atau  
bumiputra, mungkin kita kirim 1,000 orang  
Cina tetapi daripada pihak private sector pula  
ada 30,000 atau 40,000 pelajar Cina yang ada di  
luar negeri. Jadi ini "kita tidak boleh katakan  
bahawa sasaran itu kita tujukan kepada Kera-  
jaan sahaja. Jadi dari segi itu Ahli-ahli Yang  
Berhormat dari Kota Melaka dan Kuala Lum-  
pur Bandar telah gagal untuk mensenaraikan  
di dalam Dewan ini bidang-bidang di mana  
kaum-kaum sesuatu itu kepentingan-kepen-  
tingan mereka telah terjejas.

Dan begitu juga Ahli Yang Berhormat dari  
Kota Melaka telah gagal untuk memberitahu  
Dewan ini akan tugas-tugas Jawatankuasa Pi-  
lihan Parlimen yang akan dibentuk itu. Apa-  
kah tugas mereka ini dan siapakah yang akan  
menjadi anggota, bidang-bidang manakah  
yang akan menjadi sasaran kepada mereka ini  
dan cara-cara pentadbiran Jawatankuasa ini.

Saudara daripada Kota Melaka harus faham  
bahawa perpaduan negara dan masalah-masa-  
lah penyertaan dalam kegiatan-kegiatan nega-  
ra sama ada kegiatan pentadbiran ataupun  
perniagaan ini adalah satu perkara yang paling  
susah, yang paling kompleks, susah hendak kita  
senaraikan satu persatu bahawa kumpulan ini  
harus mendapat percentage ataupun peratus-  
an, 5% dalam bidang ini, kumpulan yang lain  
akan mendapat 2%. Jikalau begitulah usaha-  
usaha yang akan kita lakukan maka negara ini  
bukan pula akan maju, bahkan akan menuju  
kebutuhan oleh sebab tidak lain yang kita  
fikirkan, kita fikirkan penyertaan satu-satu  
kaum. Jadi masalah-masalah yang saya sebut-  
kan tadi, sebagaimana saya katakan di Ameri-  
ka tidak ada Dasar Ekonomi Baru, di England  
pun tidak ada Dasar Ekonomi Baru, di Afrika  
tidak ada Dasar Ekonomi Baru, tetapi di Eng-  
land pun mempunyai masalah, di Amerika pun  
mempunyai masalah.

Kalau kita lihat di Israel, Tanah Arab diram-  
pas, di Uganda peniaga-peniaga ataupun per-  
niagaan-perniagaan orang-orang yang bukan  
Uganda daripada Asia, tanah-tanah dirampas.  
Tetapi kita tidak melihat di sini tanah orang  
Cina dirampas ataupun perniagaan orang Cina

dirampas. Jadi, saya rasa itulah kegagalan yang  
telah dipertunjukkan oleh Ahli-ahli dari Kota  
Melaka dan juga dari Kuala Lumpur Bandar.  
Dan tadi saya nyata bahawa kalau kita terlalu  
menekankan akan usaha-usaha kita hendaklah  
dipengaruhi oleh penyertaan-penyertaan  
kaum, jadi satu kaum akan mensenaraikan,  
sampai seribu tahun tidak habis senarai itu.  
Nanti orang Melayu mensenaraikan, seribu  
tahun tidak habis, orang Sabah, orang Dayak,  
orang Bajau dan seterusnya akan mensenaraik-  
an tiap-tiap kegiatan yang harus disenaraikan  
oleh kaum masing-masing.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan  
memberi ucapan yang panjang lebar oleh sebab  
saya rasa itu sudah cukup untuk saya gagal  
menyokong cadangan yang telah dilakukan  
oleh saudara dari Kota Melaka. Dan dengan  
itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih  
oleh sebab diberi peluang menyertai perbahas-  
an ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat  
dari Kuala Nerus.

6.26 *ptg.*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Ne-  
rus):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima ka-  
sih, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya dapat  
bersama-sama membahas usul yang telah di-  
bentangkan oleh pihak Ketua Pembangkang,

Pada mulanya, saya tidak rasa ingin beru-  
cap, tetapi apabila saya baca iaitu satu daripa-  
da rangkaian-rangkaian usu! yang telah diben-  
tangkan iaitu berbunyi satu daripadanya Dew-  
an ini iaitu hendaklah menubuhkan sebuah  
Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menyia-  
sat ke dalam ketidakadilan dan ketidakaksa-  
maan Dasar Ekonomi Baru. Manakala saya  
terbaca ini, saya pun berasa ingin jugalah mahu  
bercakap sedikit, kerana sejak saya berada da-  
lam Parlimen atau menjadi Ahli Parlimen su-  
dah tiga tahun, saya tidak pernah pun bangun  
apa-apa perkara yang dipersoalkan oleh pihak  
Pembangkang. Oleh kerana sifat saya ini seba-  
gai seorang yang agak cara pertengahan iaitu  
saya memandang kepada tengah kepada butir-  
butiran yang elok, yang mana elok.

Saya percaya Kerajaan Malaysia iaitu Kerajaan yang ada sekarang ini adalah Kerajaan yang memetik apa yang elok, tidak kecuali daripada pihak Pembangkang ataupun bagi pihak mana-mana sahaja. Maka saya sendiri begitulah, saya percaya kebanyakan di antara Ahli-ahli Parlimen ialah memandang di atas butir ataupun apa yang molek. Kalau sesuatu yang molek walaupun datang daripada pihak Pembangkang tentu sekalilah pihak Kerajaan pun menerima. Tetapi dalam soal ini, dalam soal ketidakadilan, maka ketidakadilan ini adalah suatu perkara yang berat. Yang sebenarnya, wahai saudara Ahli Kota Melaka, sebenarnya Kerajaan yang ada sekarang ini adalah Kerajaan yang penuh keadilan mengikut sekadar apa yang berupaya. Kenapa saya mengatakan begitu? Sebab kalau kita tengok apa yang telah disebutkan oleh saudara Wakil Kota Melaka dalam tentang kelohan iaitu Dasar Ekonomi Baru yang agak boleh disebut tidak adil disebabkan kerana keutamaan Kerajaan terhadap orang-orang bumiputra ataupun orang-orang Melayu misalnya, itu adalah pandangan sepintas lalu.

Yang pada hakikat sebenarnya adalah bagi pihak Kerajaan Malaysia menjalankan sesuatu khasnya dalam Dasar Ekonomi Baru itu mengikut cara dan saluran yang penuh keadilan. Kenapa saya katakan begitu, dalam segi kewajipan sesebuah Kerajaan ialah untuk menjaga keamanan rakyat, maka keamanan tidak seka-H-kali boleh jadi aman sebetulnya sekiranya keadilannya itu tidak menyeluruh, maka polisi-polisi menjalankan keadilan itu bermacam-macam acara. Misalannya cuba kita renungkan bersama dalam pandangan-pandangan ataupun ajaran-ajaran Tuhan sendiri terhadap manusia iaitu di antara orang kaya dan orang miskin. Kenapakah Allah s.w.t. mewajibkan kepada orang-orang Islam supaya keluaran zakat, tak lain tak bukan supaya orang-orang yang miskin itu jangan marah kepada orang kaya, jangan dendam kepada orang kaya, jangan sakit hati kepada orang kaya.

Oleh yang demikian, dengan sesuaian itu bagi pihak Kerajaan hendak perintah kepada orang-orang yang bukan Islam seperti orang Cina dan orang-orang Hindu supaya keluar zakat maka dia tidak diwajibkan zakat di sisi agama. Dengan demikian, itulah salah satu

daripadanya yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan menolong kepada orang-orang Melayu supaya dapat dia hidup sebagaimana orang lain juga walaupun tidak tercapai sebagaimana yang telah dicapainya kekayaan oleh orang-orang Cina. Yang sebenarnya kedudukan orang Melayu hendak dibandingkan dengan kedudukan orang-orang yang bukan Melayu amat jauh ketinggalan dalam segi ekonomi, dalam segi kekayaan, kebolehan dan sebagainya. Kalau sekiranya Kerajaan membiarkan atau Kerajaan tidak menolong kepada Bumiputera maka pada adatnya kata orang-orang Bumiputera ini akan hanyut di belakang jauh sekali. Dengan demikian, sepatut-patutnya orang-orang yang bukan Melayu memberi simpati kepada Kerajaan di atas dasar-dasar yang seumpama ini.

Saya pernah teringat tarikh perjuangan Jamal Abdul Nasir. Sebelum Jamal Abdul Nasir memerintah negeri Mesir iaitu diperintah oleh Malek Farouk, pada masa ketika itu perbezaan rakyat Mesir antara orang kaya dengan orang miskin amat jauh sekali, orang-orang miskin menjadi hamba kepada orang-orang kaya, orang-orang miskin sentiasa menjadi kuli, menjadi tukang tarik unta, menjadi tukang mandi kuda kepada orang-orang kaya dan pada masa ketika Malek Farouk memerintah didapati negeri Mesir tidak aman sentiasa berlaku pembunuhan-pembunuhan antara orang-orang kaya dan orang miskin. Dengan demikian, apabila sahaja datang Jamal Abdul Nasir dalam pemerintahannya, Jamal Abdul Nasir menyuruh kepada umat-umat Mesir supaya orang-orang kaya kiranya dapat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya beri Yang Berhormat tiga minit lagi. Sila teruskan. Saya minta maaf kerana telah ada usul dan telah diputuskan bahawa Mesyuarat ini akan ditangguhkan pada pukul 7.00 dan masih banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berucap. Jadi, saya minta maaf terpaksa mengganggu Yang Berhormat, saya mohon maaf. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, Jamal Abdul Nasir minta kepada orang-orang kaya supaya dapat kiranya harta-hartanya itu diserahkan kepada Kerajaan untuk dibahagi

sama kepada orang-orang miskin. Maka beberapa banyak orang Mesir yang kaya-kaya, milioner masing-masing sanggup menyerah hartanya kerana memikirkan keamanan negeri. Dengan itu, saya rasa ini juga menjadi contoh teladan kepada kita sekalian.

Hari ini wahai saudara Wakil Kota Melaka. Adakah kita tengok orang-orang Cina menjadi driver kepada orang Melayu seorang pun tidak ada, tidak pernah saya jumpa. Tetapi orang Melayu menjadi driver orang Cina banyak. Kenapa itu? Ini tak lain tak bukan kerelaan ini ialah daripada kesusahan, kemiskinan, Maka daripada kelohan inilah saya rasa patut kita fikirkan bersama.

Dalam soal membangkitkan semangat semua orang boleh terutama sekali kalau orang-orang miskin. Orang miskin dia kurang takut mati, lebih-lebih orang-orang fakir. Sebab itu yang berlaku pembunuhan, yang berlaku pertengkaran, berbalah semuanya disebabkan kemiskinan. Maka kalau sekiranya Kerajaan tidak menjalankan Dasar Ekonomi Baru ini ataupun tidak buat sebagaimana apa yang telah Kerajaan lakukan ini saya rasa kita tidak boleh dapat keamanan seperti ini.

Pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri orang-orang Cina lebih banyak daripada orang Melayu, orang Melayu sedikit sangat. Di Amerika, saya kurang pasti dalam segi angka bilangan tetapi orang Melayu sangat sedikit. Kalau hendak diharapkan kepada ibubapa mereka pada adat kata orang Melayu jarang sangat boleh melangkah belajar di luar negeri tetapi orang-orang Cina dikurniakan oleh Tuhan dapat harta banyak berupaya menyelenggarakan anak-anak mereka di luar negeri belajar. Maka sekiranya Kerajaan tidak memberi keutamaan sedikit macam ini tentu sekalilah orang-orang Melayu banyak kejahilan. Apabila kejahilan esok bagaimana hendak hidup, dia tengok orang ini senang, orang ini pakai motokar, orang ini ada pelajaran bekerja senang yang lain-lain semua berkaki ayam, nanti orang kaya hendak berjalan pun susah, akan disekatnya di tengah jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Noktah.

**Tuan Ibrahim A/mi bin Hassan:** Tak faham, maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ayat itu elok dah kalau diletak noktah di situ. Satu ayat lagi sahaja, boleh.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Saya pun hendak letak noktah ini, cuma saya letak koma sahaja (*Ketawa*). Maka begitulah saya rasa. Dalam soal apa yang berlaku dalam Parlimen seperti apa yang telah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu sudah ceraihan baharu.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ya. Saya percaya begitu juga. Oleh itu saya rasa dalam perkara yang seumpama ini saya mengharapkan supaya agar kiranya bagi pihak Pembangkang khususnya Ketua Pembangkang iaitu saudara Wakil Ketua Pembangkang semoga marilah kita bersama-sama di dalam Parlimen ini untuk mencari apa yang lebih baik sebab saya rasa apa yang saudara Wakil Kota Melaka berucap dengan cara garang begitu dan sensitif sedikit misalnya, itulah membawa kepada bagi pihak back benchers sebelah Barisan ini pula bersemangat betul, itu salah satunya. Maka saya sendiri pun boleh juga hendak buat cara itu tetapi saya tidak hendak. Saya rasa lebih baik pada masa-masa depan marilah kita bersama-sama untuk memberi pandangan-pandangan yang tidak agak kepada arah sensitif.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

6.40 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, tinggallah saya 8 minit untuk berucap.

Pada pendapat Kerajaan cadangan Usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menyiasat ketidakadilan dan ketidaksaksamaan Dasar Ekonomi Baru adialah tidak perlu. Ini yang perlu kita putuskan oleh kerana apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah sangkaannya semata-mata.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru adalah berasaskan kepada ekonomi yang berkembang dengan pesat dan yang dapat membanyakkan peluang-peluang untuk rakyat Malaysia serta punca-punca keluaran pembangunan. Dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu seperti yang telah dijamin oleh Kerajaan, Kerajaan telah juga memastikan bahawa ketidakadilan dan ketidaksaksamaan tidak ada dan tidak akan wujud di mana sesuatu kumpulan telah dan akan mengalami kerugian atau berasa kehilangan hak-hak asasinya.

Bukti-bukti yang ada semenjak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan menunjukkan bahawa ekonomi negara telah berkembang dengan pesat sementara kedua-dua serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan kerja atau lokasi sedang berjalan ke arah matlamat yang ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat perlulah mengetahui bahawa matlamat untuk mencapai perpaduan negara dan identiti kebangsaan melibatkan berbagai kegiatan dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Walaupun Dasar Ekonomi Baru merupakan satu syarat yang perlu ke arah pencapaian perpaduan negara, kekeliruan tidak seharusnya timbul yang perpaduan negara boleh dicapai hanya dengan cara-cara ekonomi sahaja. Usaha-usaha lain termasuklah penggalangan Dasar Pelajaran untuk menggalakkan wujudnya nilai-nilai persamaan dan ketaatsetiaan di kalangan semua kaum dan di semua wilayah; menanamkan semangat bekerja keras dan tekun untuk negara melalui berbagai jenis perkhidmatan; memajukan dengan usaha cermat dan satu bahasa dan kesusasteraan kebangsaan, seni dan muzik dan mewujudkan simbol-simbol dan institusi-institusi negara yang tulen berdasarkan kebudayaan dan adat resam masyarakat. Adalah jelas bahawa pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dan ekonomi merupakan hanya syarat-syarat yang perlu tetapi tidak mencukupi bagi perpaduan negara.

Sebelum Dasar Ekonomi Baru dilancarkan iaitu dalam tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan, pertumbuhan ekonomi negara adalah sebanyak kira-kira 6% setahun secara purata. Selepas Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, kadar pertumbuhan ekonomi negara dalam dekad pertama telah meningkat kepada sebanyak 7.8% setahun secara purata dan telah menghasilkan kenaikan pendapatan per kapita, peluang-peluang pekerjaan dan perubahan besar dalam struktur ekonomi negara. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi negara dalam tahun-tahun lapan puluhan setakat ini telah berkurangan kepada kira-kira 6% setahun, ini adalah disebabkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi dunia keseluruhannya. Sekiranya dibandingkan dengan pencapaian negara-negara lain, termasuk negara-negara yang sudah membangun, prestasi ini boleh dibanggakan.

Pada tahun 1970, pendapatan perkapita adalah sebanyak \$1,142 iaitu antara yang tertinggi di rantau Asia. Menjelang akhir tahun 1983 pendapatan per kapita telah meningkat menjadi \$4,317. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru juga telah menghasilkan 1,840,000 pekerjaan dalam tempoh 1970-1983 di berbagai sektor di kategori pekerjaan. Kadar pengangguran telah berkurangan dari 7.8% dalam tahun 1970 kepada 6% dalam tahun 1983.

Dari segi pembasmian kemiskinan, usaha-usaha telah dijalankan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan semua kaum. Kadar kemiskinan pada keseluruhannya telah berkurangan daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29% dalam tahun 1980. Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan telah meningkat sedikit dalam tahun 1983 kepada 30.3% disebabkan oleh kejatuhan harga barangan utama akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Selaras dengan matlamat pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum, bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan seperti subsidi kepada golongan miskin untuk meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan mereka telah dinikmati oleh semua kaum. Sehingga tahun 1977 Banci Pekebun Kecil Getah 1977 menunjukkan bahawa daripada jumlah pekebun kecil getah seramai 227,000 yang telah menerima

geran tanam semula getah ataupun 69.3% adalah terdiri daripada kaum Melayu sementara 30.7% adalah kaum bukan Melayu. Dalam tahun 1979 seramai 9,830 pekebun kecil getah kaum Melayu dan 3,930 pekebun kecil getah kaum Cina lagi telah menerima geran tanam semula getah.

Penanam-penanam padi daripada semua kaum telah juga menerima subsidi harga padi yang diberikan oleh Kerajaan untuk menampung pendapatan mereka. Dalam tahun 1983 jumlah subsidi harga padi yang diterima oleh penanam-penanam padi Melayu berjumlah \$152,920,000 sementara kaum Cina \$14,967,702. Dari segi bilangan, seramai 207,241 penanam padi kaum Melayu dan 11,094 penanam padi kaum Cina telah menerima subsidi harga padi dalam tahun 1983.

Dalam bidang perikanan pula, bilangan perkakas perikanan yang dilesenkan jelas menunjukkan bahawa semua kaum telah mendapati faedah ini. Seramai 13,953 nelayan bumiputera dan 12,954 nelayan bukan bumiputera telah mendapat lesen bagi berbagai jenis perkakas perikanan termasuk pukot tunda, pukot jerut dan pukot tradisi pada tahun 1983.

Di samping program-program bertujuan meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan golongan miskin dari semua kaum, program-program bagi menyediakan kemudahan asas untuk meninggikan mutu kehidupan mereka terus dilaksanakan. Kemudahan kesihatan telah diperbaiki dan diperluaskan dan dengan ini jangka hayat semasa lahir telah meningkat daripada 64.4 tahun dalam tahun 1970 kepada 70 tahun dalam tahun 1983. Kadar kematian bayi juga telah berkurangan daripada 40.8 setiap 1000 dalam tahun 1970 kepada 21.1 setiap 1000 dalam tahun 1983 sementara kadar kematian kanak-kanak juga telah turun.

Kemudahan-kemudahan pelajaran juga telah disediakan dengan lebih banyak dengan bertambahnya bilangan sekolah-sekolah rendah dan menengah. Dalam tahun 1970 seramai 1.7 juta murid seluruh Malaysia telah menuntut di sekolah-sekolah rendah sementara 534,170 murid lagi menuntut di sekolah menengah.

Dalam tahun 1983 seramai 2.1 juta murid terdapat di sekolah-sekolah rendah dan 1.2 juta murid di sekolah-sekolah menengah.

Kadar penyertaan di peringkat persekolahan rendah di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada 90.6% dalam tahun 1970 kepada 98.1% dalam tahun 1980. Di peringkat persekolahan menengah pula, kadar penyertaan telah meningkat juga daripada 42.7% dalam tahun 1970 kepada 68.6% dalam tahun 1980.

Kaum-kaum telah juga menikmati kemudahan-kemudahan bekalan air dan elektrik yang disediakan oleh Kerajaan. Kira-kira 91% daripada jumlah penduduk bandar dan 51% daripada jumlah penduduk luar bandar telah mendapat bekalan air dalam tahun 1983. Dari segi liputan bekalan elektrik pula, kira-kira 65.5% daripada jumlah penduduk Malaysia menikmati kemudahan itu.

Berhubung dengan penyusunan semula masyarakat, kemajuan yang memuaskan juga telah dicapai sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Dari segi taburan pendapatan isirumah mengikut kaum, pendapatan purata bagi semua kaum telah bertambah dalam tempoh 1970-1979. Pendapatan purata sebenar isirumah kaum Melayu meningkat daripada \$172 dalam tahun 1970 kepada \$296 dalam tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud hendak memanjangkan lagi ucapan, cuma beberapa Ahli telah membangkitkan perkara yang ada kaitan dengan Dasar Ekonomi Baru. Sukacita saya mengulangi di sini iaitu waima apa cara pun, selepas 1990 usaha memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru akan tetap diteruskan jika ia gagal dicapai apabila tempoh tamat pada tahun 1990 (*Tepuk*). Saya ingin menyarankan sekali lagi ataupun menegaskan sekali lagi hakikat ini, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlulah bimbang.

Dengan ini juga saya sukacita menentang cadangan Usul Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Usul itu sepatutnya ditolak (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk menggulung bagi pihak saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk sebentar. Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya rasa Peraturan Mesyuarat tidak membolehkan saya membenarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, bukan saya tidak berani menggulung atau takut. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana memberi pandangan bagi pihak Kerajaan tanpa apa-apa emosi dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat dari Kuala Nerus dan lain-lain yang menunjukkan bahawa sekurangnya di dalam Dewan yang mulia ini kita boleh berbincang masalah-masalah pokok yang besar kepada rakyat. Sungguhpun kita ada perbezaan dalam beberapa segi pandangan. Dalam masa yang ada cuma 7 minit, saya akan fokus gulungan saya kepada perkara yang basik.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada menarik perhatian bahawa sebenarnya usul ini sangat neutral. Usul ini untuk mengakui bahawa ada masalah-masalah, ada ketidakadilan sama ada dalam segi membasmtkan kemiskinan atau daripada segi penyusunan semula masyarakat dan selepas 15 tahun perjalanan Dasar Ekonomi Baru, perlu ada satu kajian yang mendalam, khususnya apabila kita dalam peringkat sebelum menggubal Rancangan Malaysia Kelima yang akan bermula tahun depan.

Masalah yang pokok ialah sama ada Dasar Ekonomi Baru sudah berjaya untuk mewujudkan perpaduan negara. Yang Berhormat dari Ulu Terengganu mengatakan bahawa tanggungjawab kita ialah mendidik anak-anak kita generasi yang akan datang supaya mereka berfikir, berlagak, bertindak sebagai seorang Malaysia, bahawa mereka mengenepikan, meninggalkan fikiran kaum. Itulah sebab kita kemukakan usul ini supaya semua unsur-unsur yang ada kebolehan untuk memecahbelahkan rakyat boleh dikenal pasti dan juga diatasi. Kenapa kita takut mengakui ada masalah, masalah

yang saya dan rakan saya dari Kuala Lumpur Bandar kemukakan, sungguhpun ada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak UMNO ada bercakap tidak rela daripada mereka yang ada mengambil bahagian mengakui masalah-masalah ini. Tetapi saya percaya Yang Berhormat Yang Berhormat daripada lain-lain komponen, Parti MCA, Gerakan, MIC bersetuju sebab itu mereka tidak berani bercakap oleh kerana kalau bercakap mereka terpaksa bersetuju dan kalau mereka bersetuju mungkin mereka akan dipecat dari Barisan Nasional. tetapi itu parti politik. Tetapi ini menunjukkan apa yang kita cakup bukan semua tidak berasas.

Kita datang ke sini oleh kerana kita ada tanggungjawab kepada rakyat, kepada negara bukan sahaja Ahli-ahli daripada UMNO ada tanggungjawab kepada negara, kita dalam DAP pun ada tanggungjawab kepada negara, tanggungjawab kita tidak kurang daripada Ahli-ahli dari UMNO. Kita semua bersama-sama ada tanggungjawab dan sebab kita mahu generasi yang akan datang boleh diMalaysianisekan, kita perlu identifikasikan masalah-masalah yang sekarang menjadi obstacle.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi Yang Berhormat dari Ulu Terengganu mengatakan bahawa janganlah datang ke sini bercakap masalah-masalah orang Melayu, orang bukan Melayu. Di sini kita selalu dengar Ahli-ahli Yang Berhormat daripada UMNO cakap mengenai masalah-masalah masyarakat Melayu. Bukankah ini benar dan masalah masyarakat orang Melayu ialah masalah orang Malaysia juga, masalah negara dan seperti itu masalah-masalah orang bukan Melayu pun mesti dianggap sebagai masalah-masalah masyarakat Malaysia dan janganlah berpura-pura bahawa masalah-masalah satu kaum tidak ada. Patut kita bincang. Kita tidak boleh mengatasi masalah perkauman kalau kita baru mengikut cadangan Yang Berhormat dari Ulu Terengganu jangan cakap dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi generasi di luar, rakyat Malaysia semua kaum dalam pengalaman harian rasa menghadapi pengalaman yang merasa bahawa mereka bukan sahaja Malaysian tetapi lebih mustahak ialah sama ada mereka bumiputera atau bukan bumiputera. Kalau kita tidak mahu masalah bumiputera dan masalah bukan bumiputera timbul sebagai satu faktor utama memecahbelahkan rakyat

Malaysia, ada satu jalan yang baik untuk memberhentikan, memecahkan rakyat, membahagikan rakyat kepada dua kumpulan bumiputera dan non bumiputera. Semua rakyat bumiputera Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat beri saya dua minit untuk mengemukakan masalahnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa pandangan-pandangan yang kita kemukakan akan diambil kira oleh pihak Kerajaan. Yang Berhormat dari Bagan Datok ada mengatakan bahawa jangka masa Perikatan dalam Kabinet ada tiga kerusi, ada orang Cina dalam kerakyatan dan lain-lain. Kita tidak mahu semua itu dijadikan asas untuk menekankan atau untuk menutupkan masalah-masalah. Adakah semua asas ini untuk justifykan operation UMNO over MCA, MIC, Gerakan sehingga mereka takut cakup dalam perkara ini. Kenapa takut cakup?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya memerlukan masa untuk mengemukakan.

**Tuan Lira Kit Siang:** Akhirnya, saya serahkan kepada Dewan.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah telah terserah kepada kita. Maka saya sekarang kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang iaitu:

Bahawa Dewan ini memutuskan bahawa dalam membuat persediaan bagi Rancangan Malaysia Kelima 1986 - 1990, Dewan ini menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menyiasat ke dalam ketidakadilan dan ketidaksaksamaan Dasar Ekonomi Baru yang telah gagalkan matlamat serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan indentifikasi kaum dengan kerja, atau lokasi serta juga matlamat menyeluruh untuk mencapai perpaduan negara.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga kepada satu masa yang akan ditetapkan. Selamat pulang Ahli-ahli Yang Berhormat.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.01 malam.*